

Menyemai Keazaman, Menuai Kejayaan

Menyemai Keazaman, Menuai Kejayaan

2019-2021

NCER MALAYSIA



*Menyemai Keazaman,
Menuai Kejayaan*



© Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)
No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,
Penang Science Park,
14100 Simpang Ampat,
Pulau Pinang, MALAYSIA.

Tel: +604 502 0708
www.ncer.com.my

ISBN 978-629-96580-0-9

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mencetak, menerbitkan semula atau mempersemprehankan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apapun juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, cetakan, mekanik, rakaman atau sebarang cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang. Kebenaran bertulis sedemikian juga diperlukan sebelum mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, gambar dan isi kandungan buku ini disimpan dalam sebarang bentuk sistem pencarian.

PENAFIAN: Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan maklumat yang terdapat dalam buku ini.

Khidmat Penyuntingan, Rekabentuk & Penerbitan
FM Media Sdn Bhd

Gambar-gambar di dalam buku ini telah diambil dengan mematuhi garis panduan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19. Gambar tanpa pelitup muka dan penjarakan sosial telah diambil sebelum pandemik.

Cetakan Pertama 2022

Reka bentuk muka hadapan buku ini menggambarkan transformasi kehidupan rakyat di Wilayah NCER – daripada kecemerlangan pendidikan dan pembangunan modal insan komuniti kepada integrasi teknologi-keusahawanan bagi mendukung agenda ekonomi digital Malaysia. Transformasi ini sejajar dengan usaha NCIA memacu pembangunan sosioekonomi di Wilayah NCER, berlatarbelakangkan kelestarian alam sekitar, ke arah kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Mukadimah

Judul ini mengumpulkan kisah-kisah kejayaan peserta program pembangunan modal insan NCER berteraskan Rakyat. Himpunan kisah sebenar perjuangan peserta-peserta dalam kalangan wanita, belia, Orang Asli serta golongan B40 ini menggambarkan usaha berterusan oleh para peserta dan agensi kerajaan dalam menangani kos sara hidup, meningkatkan pencapaian akademik pelajar, membangunkan tenaga kerja, menambah upaya usahawan tempatan dan meningkatkan taraf hidup Rakyat secara inklusif dan menyeluruh.

Melalui kisah-kisah kejayaan ini, pembaca berpeluang menghayati semangat cekal Rakyat NCER melalui cabaran dan kesukaran demi esok yang lebih baik, lantas menjadikan judul ini sebagai sumber inspirasi dan pembakar semangat untuk terus berusaha dalam Menyemai Keazaman dan, akhirnya, Menuai Kejayaan.



ISI KANDUNGAN



12

Pendekatan Strategik Ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Rakyat NCER

- 13 Membantu Menangani Kos Sara Hidup
- 14 Menggilap Kecemerlangan Pendidikan
- 15 Membina Keusahawanan dan Kemahiran yang Berkekalan
- 16 Mengasah Kemahiran Seraya Bekerja
- 17 Memekarkan Kelangsungan & Perkembangan Perniagaan
- 18 Menangani Impak Pandemik Terhadap Pekerja & Perniagaan
- 19 Dana Pemangkin Kepada Inisiatif Pelaburan Swasta
- 20 Pencapaian Program 2019-2021

08

Seulas Pinang oleh Ketua Eksekutif

- 10 Secubit Kata Penghargaan daripada Rakan Kongsi Strategik



22

Peserta Cemerlang Program-Program NCER

- 24 Harapan dan Azam Dijunjung Tinggi Bersama
- 52 Seikat Bagai Sirih, Tiada Yang Tersisih
- 70 Mengejar Impian di Alam Maya
- 88 Selebar Benang Menjadi Kain, Kemahiran Profesional Tenunan Kejayaan
- 98 Asal Kapas Menjadi Benang, Dari Modal Dibuat Untung
- 114 Patah Sayap Bertongkat Paruh, Terbang Semula Selepas Bertaruh
- 130 Hasil Menimba Ilmu, Pasir Sebutir Jadikan Intan



146

Aspirasi NCER

Seulas Pinang OLEH KETUA EKSEKUTIF



Pengkisahan kejayaan dan transformasi rakyat di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) adalah sebuah manifestasi usaha berterusan dalam mendekati hati dan jiwa penduduk; pemerkasaan individu, syarikat dan sekali gus menjadi asbab transformasi seluruh Rakyat.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan impak COVID-19 dan mencapai Sifar Kemiskinan Tegar menjelang 2025, pelbagai program modal insan telah dilaksanakan oleh Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk membangunkan tenaga kerja dan usahawan tempatan secara inklusif dan menyeluruh bagi golongan sasaran. Pendekatan serampang tiga mata NCER bertujuan memperkasakan kumpulan rentan melalui program modal insan yang berteraskan rakyat, memangkin pertumbuhan ekonomi serantau yang seimbang melalui infrastruktur strategik dan memacu pelaburan swasta ke NCER. Antara program-program tersebut termasuk empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, empowerNCER Akademik, entrepreneurNCER, JomNiaga@NCER, JomKerja@NCER, NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@NCER) dan Dana Usahawan NCER (DU@NCER).

Para pelajar berprestasi rendah dari keluarga B40 yang menyertai program **empowerNCER Akademik** menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dengan **97% pelajar lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020** dan 82% berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Program-program modal insan berteraskan rakyat ini menyantuni rakyat ke arah pembangunan menyeluruh bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, peluang keusahawahan dan peningkatan pendapatan isi rumah yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada rakyat di negeri-negeri NCER. Inisiatif pembangunan modal insan di NCER merupakan salah satu keutamaan NCIA, khususnya dalam meningkatkan status sosio-ekonomi kumpulan sasaran yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Seramai **67,935 rakyat** merentasi kaum, etnik, budaya dan kepercayaan daripada 30 daerah di NCER termasuk wanita, belia dan masyarakat Orang Asli telah mendapat manfaat daripada pelbagai Program Modal Insan yang dilaksanakan sejak 2019 hingga Disember 2021.

Lebih daripada 20,800 isi rumah miskin dan miskin tegar yang tersenari di dalam pangkalan data eKasih dan iDamak telah mendapat manfaat daripada program **Kasih Ibu NCER** di Kedah, Perak dan Perlis. Dari jumlah tersebut, lebih 360 penerima manfaat program Kasih Ibu NCER telah diserapkan ke dalam program **empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** dan **JomNiaga@NCER**, dan kini mampu menjana pendapatan sendiri.

Malah, seramai 2,166 peserta dalam kalangan kumpulan B40 telah mampu keluar daripada kancang kemiskinan dan 380 peserta maju ke kategori M40 dan T20. Sejumlah 5,675 penggerak ekonomi tempatan ini bukan sahaja berjaya menjana pendapatan kira-kira **RM71.93 juta** secara kolektif dalam tempoh dua belas (12) bulan, malah telah mewujudkan lebih 750 peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat.

Melalui program **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@NCER)** dan **JomKerja@NCER**, seramai 9,313 graduan yang menganggur dan pekerja yang diberhentikan telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dalam pelbagai industri di NCER.

Dalam usaha menyokong pengembangan perniagaan serta menangani cabaran aliran tunai bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang merupakan tulang belakang ekonomi tempatan untuk kekal bersaing, seramai 16,667 usahawan di bawah program **entrepreneurNCER** menerima manfaat melalui Skim Pembiayaan Usahawan NCIA-MAYBANK dan NCIA-AGROBANK.

Manakala melalui program **Dana Usahawan (DU@NCER)**, 32 syarikat PKS telah menerima manfaat dan seterusnya mencipta 1,582 peluang pekerjaan.

Menerusi buku “**Menyemai Keazaman, Menuai Kejayaan**” ini, pembaca dapat menelusuri jalan yang telah diambil oleh sebahagian peserta yang telah berjaya mengatasi pelbagai onak dan ranau serta langkah yang telah mereka ambil untuk mencapai kejayaan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, semua pihak berkepentingan dan warga kerja NCIA yang telah bersama-sama menerajui program pembangunan ini dengan penuh semangat, minat dan

kesungguhan. Pembangunan ekonomi yang merangkumi semua golongan masyarakat telah memastikan wujudnya asas sosio-ekonomi yang mampan serta memperkuuh pemangkin pertumbuhan, meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia dan membasi kemiskinan tegar. Adalah diharap program-program modal insan berteraskan rakyat ini akan dapat diteruskan di masa akan datang bagi memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat khususnya dari golongan B40 di NCER.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada mantan Ketua Eksekutif NCIA yang merupakan pengasas program modal insan NCER di atas kepimpinan, sumbangan dan jasa beliau. Sepanjang beliau menerajui NCIA selama tiga (3) tahun, beliau telah berjaya mencapai aspirasi dengan meletakkan NCIA di prestasi yang amat membanggakan sama ada dari segi pencapaian pelaburan, projek strategik berimpak tinggi dan perubahan hidup rakyat NCER yang menyertai program modal insan. Sekalung budi dan setinggi-tinggi terima kasih atas sumbangan yang telah diberikan.

Jasamu dikenang, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Semoga kisah-kisah kejayaan 87

individu dan syarikat yang telah diungkapkan di dalam buku ini menjadi sumber inspirasi dan pencetus semangat kepada semua. Melalui kisah-kisah kejayaan ini, kita berpeluang menghayati semangat cekal rakyat NCER yang sanggup menongkah arus, serta meredah pelbagai kesukaran dan cabaran; untuk meningkatkan pencapaian akademik, mempelajari kemahiran baharu, memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada demi mengubah kehidupan dan mengejar masa depan yang lebih gemilang.

MOHAMAD HARIS KADER SULTAN
Ketua Eksekutif, NCIA

Secubit Kata Penghargaan DARIPADA RAKAN KONGSI STRATEGIK

Yayasan
PETRONAS



Assalamualaikum dan salam sejahtera,
Tahniah diucapkan kepada Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) diatas kejayaan program-program pembangunan dan transformasi rakyat di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Dengan usaha yang berterusan daripada NCIA dan semua pihak yang terlibat, program empowerNCER Akademik dan empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dengan kerjasama Yayasan PETRONAS telah tamat dengan jayanya dan dapat mencapai hasil yang membanggakan.



Kedua-dua program ini amat penting bagi meningkatkan daya saing dan taraf hidup golongan B40 terutama di negeri Kedah. Program-program ini juga secara langsung mendukung aspirasi Yayasan PETRONAS untuk memperkasakan pendidikan dan ekonomi golongan B40 di Malaysia. Justeru, Yayasan PETRONAS amat berbangga menjadi rakan strategik pelaksanaan program empowerNCER sejak tahun 2019.

Besar harapan kami di Yayasan PETRONAS agar program-program ini terus ditambah baik untuk

SHARIAH NELLY FRANCIS
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan PETRONAS



memastikan keberkesannya dalam membangunkan pendidikan dan ekonomi golongan B40 di NCER. Semoga kerjasama yang utuh dari semua pihak dalam menjayakan program-program ini dapat diteruskan untuk kumpulan peserta yang akan datang.

DIALOG

Pertama sekali, kami amat berbesar hati kerana dapat bekerjasama sebagai rakan kolaborasi strategik kepada Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Terdapat sinergi yang hebat dalam usaha yang dilaksanakan, terutama sekali dalam memberi bantuan pendidikan untuk murid-murid sekolah dari keluarga Orang Asli B40. Keperluan persekolahan, menyediakan peralatan makmal komputer, peranti untuk kelas pembelajaran abad ke-21 dan set robotik untuk pendidikan STEM, serta laman akuaponik untuk pengajaran kemahiran hidup.

Program ini telah merekodkan impak yang positif dari segi peningkatan kehadiran ke sekolah dan keyakinan diri pelajar serta kualiti kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik. Kami percaya apabila pemakanan dan keperluan persekolahan para murid dipenuhi, komponen akademik yang disediakan oleh pihak NCIA dapat diterima oleh murid dengan lebih efektif. Kami menghargai kerjasama dengan NCIA serta rakan-rakan strategik

program-program yang telah memberi manfaat dan impak positif kepada komuniti melalui program akademik empowerNCER, terutamanya untuk golongan Orang Asli yang merupakan fokus utama yang bermakna kepada kami. Oleh itu, kami menyokong sepenuhnya pendekatan pelaksanaan inisiatif NCIA untuk meningkatkan taraf hidup kumpulan yang terkesan di wilayah NCER. Justeru, kami berharap organisasi lain akan turut memberi sokongan yang diperlukan untuk mencapai impak kolektif yang lebih signifikan.

TAN SRI DR NGAU BOON KEAT
Pengerusi, Pengasas Bersama dan Pemegang Amanah Yayasan MyKasih



Pendekatan Strategik KE ARAH PENINGKATAN TARAF HIDUP RAKYAT NCER

Kesejahteraan rakyat bergantung kepada keupayaan mereka dalam mencapai peluang sosial dan ekonomi. Untuk membantu lebih ramai rakyat merealisasikan potensi sebenar mereka, NCIA telah melaksanakan beberapa program pemerkasaan rakyat di Wilayah NCER untuk menangani 4 keperluan yang berikut, khususnya untuk bangkit semula semasa fasa pemulihan COVID-19, dan direka bagi memastikan pembangunan mampan berlaku di peringkat akar umbi.



**Mencapai Sasaran Sifar
Miskin Tegar Menjelang 2025**




**Mengekarkan Keupayaan Keusahawanan
& Kemahiran Terpendam**



**Meningkatkan Kebolehpekerjaan &
Kebolehpasaran Rakyat**



**Merealisasikan Potensi Sebenar
Perniagaan di NCER**



Membantu MENANGANI KOS SARA HIDUP



Program **Kasih Ibu NCER** bertujuan membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ketua isi rumah wanita tanpa pendapatan tetap untuk mengurus dan menampung perbelanjaan keluarga mereka. Melalui program ini, mereka menerima bantuan kewangan melalui kad tanpa tunai untuk membeli barang keperluan asas seperti beras, gula, garam, tepung, roti, minyak masak, daging lembu, ayam, ikan, sayur-sayuran, lampin pakai buang, produk tenusu dan keperluan sekolah.

Golongan miskin dan miskin tegar ini juga layak mendapat rawatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Program **Kasih Ibu NCER** mengiktiraf peranan kaum ibu sebagai tulang belakang keluarga yang bukan sahaja mendidik dan membesarakan anak, bahkan menguruskan kewangan keluarga dan penjagaan kesihatan ahli keluarga mereka.




Menggilap KECEMERLANGAN PENDIDIKAN



empowerNCER Akademik adalah sebuah program pendidikan holistik yang direka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan kemahiran kendiri, khususnya daripada keluarga B40 dan Orang Asli.

Program ini memberi fokus kepada peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan SPM dan kemahiran 3M bagi murid Orang Asli darjah 5 dan 6. Seiring dengan pembangunan modal insan di NCER yang dilaksanakan secara menyeluruh, **empowerNCER Akademik** menghindarkan kemiskinan pada masa hadapan melalui pendidikan.



Membina KEUSAHAWANAN DAN KEMAHIRAN YANG BERKEKALAN



Program **empowerNCER** dirangka bagi menangani keperluan sosioekonomi berdasarkan keperluan sedia ada dengan meningkatkan kemahiran rakyat tempatan agar mereka mampu berdaya saing dan merebut peluang ekonomi yang sedia ada.

Program ini memperkasa bakal usahawan dalam golongan B40 dan memberi tumpuan utama kepada wanita, belia menganggur, dan juga Orang Asli. Mereka diberi kursus latihan keusahawanan serta kemahiran-kemahiran yang lebih tertumpu kepada bidang perniagaan mereka. Tambahan lagi, bimbingan ini juga diteruskan pasca latihan untuk memastikan kejayaan usahawan NCER berkekalan.

empowerNCER memastikan golongan B40 tidak tercincir daripada arus perdana. Kejayaan usahawan dan komuniti B40 menyumbang kepada perkembangan ekonomi serta pembangunan modal insan negara.

Mengasah KEMAHIRAN SERAYA BEKERJA



NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) merupakan sebuah program modal insan yang bertujuan memastikan bekalan tenaga kerja mahir mencukupi dan memenuhi keperluan industri di NCER. **NTEP** membayai sebahagian daripada kos gaji graduan secara kaedah pembayaran semula (*reimbursement*) kepada syarikat-syarikat terlibat; selain menyediakan penempatan pekerjaan tetap dan latihan kemahiran kerja berkualiti tinggi kepada graduan baharu dan yang menganggur sehingga 3 tahun, pekerja sambilan atau kontrak, pelatih pengurusan, pelatih siswazah dan di kalangan pelatih amali. Aspirasi ini sejajar dengan usaha kerajaan menangani isu pengangguran di kalangan graduan di Wilayah NCER.



Memekarkan KELANGSUNGAN & PERKEMBANGAN PERNIAGAAN



Program **entrepreneurNCER** bermatlamat untuk membangunkan dan mengembangkan PMKS bagi menyokong rantaian penawaran industri di seluruh NCER. Bantuan disediakan dari segi khidmat bimbingan dan pembiayaan kewangan bagi mereka yang menghadapi kesukaran mendapatkan dana.

Selain memainkan peranan penting dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Wilayah NCER, program ini turut mengiktiraf sumbangan PMKS sebagai pemanca utama bagi ekonomi tempatan. Program ini akan diperluaskan lagi dengan kerjasama rakan-rakan strategik baharu dalam memastikan perniagaan dalam kalangan PMKS kekal berdaya saing.






Dana Pemangkin KEPADA INISIATIF PELABURAN SWASTA



Dana Usahawan (DU@NCER) menyediakan dana berbentuk geran kepada syarikat swasta bagi meningkatkan daya saing dan menjadikan mereka pemangkin dalam pelaksanaan projek pembangunan ekonomi dan komuniti.

Tahap sosioekonomi penduduk setempat ditingkatkan melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan, peningkatan pendapatan, dan pelaburan. Pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi di bawah **DU@NCER** membawa limpahan ekonomi secara langsung dan tidak langsung kepada rakyat setempat.



Menangani IMPAK PANDEMIK TERHADAP PEKERJA & PERNIAGAAN




Program modal insan **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** membantu rakyat dan syarikat yang terjejas oleh wabak COVID-19 dengan melatih semula dan meningkatkan kemahiran bagi menambah baik kualiti tenaga kerja tempatan.

JomKerja@NCER menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan, belia, dan pekerja yang diberhentikan untuk memenuhi keperluan operasi syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini. **JomNiaga@NCER** menyediakan kursus teknikal dan asas keusahawanan bagi membantu belia, wanita, PMKS dan pekerja yang diberhentikan daripada golongan B40.



Pencapaian PROGRAM 2019 - 2021



67,935

Jumlah rakyat terlibat dalam **Program Modal Insan NCER**



Perlis
7,803



Kedah
31,595



Pulau Pinang
10,971




Perak
17,566



B40
41,380



Wanita
34,209



Belia
15,081



Orang Asli
2,223

179,073

Peluang & penempatan pekerjaan kumulatif daripada program **empowerNCER**, **entrepreneurNCER**, **JomNiaga@NCER**, **NTEP@NCER**, **JomKerja@NCER** & **DU@NCER**



20,836 Penerima bantuan

108,527 Tanggungan



RM71.93 juta

Jumlah pendapatan terkumpul sehingga **12 bulan**

5,144

Jumlah usahawan

4,172 Perniagaan digital



16,667

Jumlah **Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS)**

RM233.9 juta

Jumlah pembentangan dari **2019 sehingga 2021**

SIFAR

Pinjaman tidak berbayar



9,150 Jumlah pelajar terlibat

97% Kadar kelulusan SPM 2020 (jauh melebihi purata kebangsaan **88.68%**)



2,784 Peluang & penempatan pekerjaan di **92** syarikat tempatan



6,529 Peluang & penempatan pekerjaan di **137** syarikat tempatan



32 Jumlah syarikat terlibat

1,582 Peluang pekerjaan

Peserta Cemerlang

Program-Program NCER

- 24 Harapan dan Azam Dijunjung Tinggi Bersama
- 52 Seikat Bagai Sirih, Tiada Yang Tersisih
- 70 Mengejar Impian di Alam Maya
- 88 Selembar Benang Menjadi Kain, Kemahiran Profesional Tenunan Kejayaan
- 98 Asal Kapas Menjadi Benang, Dari Modal Dibuat Untung
- 114 Patah Sayap Bertongkat Paruh, Terbang Semula Selepas Bertaruh
- 130 Hasil Menimba Ilmu, Pasir Sebutir Jadikan Intan



Harapan dan Azam Dijunjung Tinggi Bersama

Pencapaian luar biasa peserta pelbagai program modal insan NCER buktikan kesungguhan dan komitmen rakyat, mentransformasi taraf hidup dan ekonomi setempat.





Yayasan
PETRONAS
empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NOR HAZIMA ABD JALIL

Pendang, Kedah



Melayari bahtera kehidupan, siang malamnya dilanda gelora beralun ombak. Siapa yang merasa, dia yang melara. Nor Hazima pernah mencari nafkah sebagai penoreh getah dan menjual kuetiau ‘theng’ bagi membantu suaminya menyara keluarga.

Pendapatan dahulunya RM300 sebulan kini meningkat sebanyak 36 kali ganda



Imbas untuk video

📍 Warung Romantik Nor Hazima

5 orang pekerja dan dikunjungi pelanggan dari luar daerah Pendang.

“Ilmu dan latihan kemahiran keusahawanan yang diperolehi daripada program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan banyak membantu saya mendalami selok-belok perniagaan kedai makanan. Kini kami sekeluarga hidup selesa,” katanya.

Tanggal 15 September 2020 menggambit memori indah apabila mendapat peluang berinteraksi secara maya di kaca TV dengan Y.A.B. Perdana Menteri.

Kisah kejayaan Nor Hazima ini mempunyai pengajaran yang tersirat dan tersurat. Gagal sekali tidak bererti gagal selamanya. empowerNCER menyelamatkan peniaga B40 sepertinya daripada perangkap kemiskinan.



Dari **B40** kepada **T20**

***Bekas penoreh getah
buktikan kejayaan
sebagai usahawan
hanya selangkah
dari nyata***

“Saya telah berjaya buktikan seorang penoreh getah juga mampu menjadi usahawan. Jika tidak dipecahan ruyung, manakan dapat sagunya.”



**Yayasan
PETRONAS
empowerNCER**
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

ZULFADLI ASRI

Pendang, Kedah

Peserta berumur 29 tahun ini berjaya memecah 'siling kaca' bagi anak-anak muda B40 untuk mengubah nasib mereka sendiri. Di mana ada kemahanan, di situ ada jalan.

Betul kata orang, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian. Sebelum menyertai empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, Zulfadli meraih pendapatan bulanan yang rendah menjual aksesori telefon. Selepas mengikuti kursus membaik pulih telefon dan bimbingan keusahawanan beliau kini memiliki dua kedai telefon, 6 orang pekerja dan menjana pendapatan yang meningkat berlipat kali ganda.

*Pendapatan dahulunya **RM700 sebulan**
kini meningkat sebanyak **13 kali ganda***



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

DIANI IQLEMA MOHD RADZI

Kangar, Perlis

empowerNCER membangunkan modal insan berdaya saing. Beliau menjadi pelopor kepada perusahaan tanaman Azolla yang dijual melalui Shopee. Syarikatnya, Deesya Utara Trading, turut menjual udang kara air tawar.

Latihan kemahiran dan keusahawanan empowerNCER telah meningkatkan pendapatannya sebanyak 70%. Kejayaan menaik taraf tahap sosioekonomi keluarganya telah menarik perhatian Y.A.B Perdana Menteri untuk berinteraksi dengannya melalui panggilan video.

*Pendapatan dahulunya **RM1,500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **3 kali ganda***



📍 Deesya Utara Trading

👤 Deesya Utara (Deesya Lobster Perlis)

👤 dianiiqlema



BEH XIAO YAN

Barat Daya, Pulau Pinang

Program NTEP mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan tempatan. Bukti, lepasan ijazah ini berjaya mendapat pekerjaan di Skyechip Sdn Bhd hanya beberapa bulan selepas tamat pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik.

Latihan kemahiran kerja yang berkualiti tinggi dan latihan kemahiran insan program NTEP telah meningkatkan kebolehpasaran dan daya saingnya. Gaji di atas kadar pasaran membantunya menyara kedua ibu bapa yang tidak bekerja.



MUHAMMAD MIZAL AIMAN SULAIMAN

Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Kata orang usaha tangga kejayaan. Bermula dari bawah di kaki tangga, anak muda bersemangat waja kini tinggi di menara. Dari setangga ke setangga, Muhammad Mizal Aiman mendaki dengan keazaman.

Tidak malu dengan sejarah silamnya, anak muda ini bangga bermula dari bawah sebagai penjaja pasar malam, menjual barang permainan. Beliau nekad mengambil keputusan untuk mencuba nasib dalam perniagaan membaik pulih telefon bimbit dan komputer riba. Keputusan tersebut membuatkan hasil apabila perniagaannya mendapat sambutan luar biasa. Malah beliau kini bergelar

majikan kepada 7 orang pekerja sepenuh masa. "Saya berharap dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan belia," katanya. Merenung masa hadapannya, beliau menyemat hasrat untuk melebarkan sayapnya dengan membuka cawangan di seluruh Malaysia.

Usaha menyerlah aspirasi. Aspirasi membawa transformasi. Kejayaan luar biasa pemuda ini mengubah statusnya daripada penjaja kepada usahawan telah menyuntik motivasi kepada keluarga dan rakan-rakannya. Penat lelah ditempuh dengan keazaman, diiringi doa keluarga.

Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan** kini meningkat sebanyak **300 kali ganda**



Imbas untuk video

◎ Mizal Gadget
● Mizal.gadget



Keazaman membara di jiwa

*Penjaja pasar malam kini
pemilik perniagaan
baik pulih telefon bimbit
dan komputer riba*

"Saya ingin menjadi belia 'luar biasa' dengan membuka kedai pertama di usia muda."





AINA AFIFI MOHAMAD ZAMRI

Pendang, Kedah

Pencapaian tidak tiba dengan mudah. Mendepani cabaran norma baharu PdPR, anak sulung kepada seorang petani sukar mengimbang antara kewajipan membantu ibu menjaga adik OKU dan tanggungjawabnya mengulangkaji pelajaran.

Pelbagai inisiatif yang terdapat dalam program empowerNCER Akademik ini telah membantunya melanjutkan pelajaran ke menara gading dalam bidang perundungan setelah berjaya mencapai keputusan 8A dalam peperiksaan SPM 2020. Kini, Aina Afifi menjadi harapan keluarganya.

*Berjaya mencapai **8A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Program Asasi Undang-undang** di **Universiti Teknologi MARA***



ZALILAH A. RAHMAN

Beseri, Perlis

Ibu tunggal tabah menyara 4 orang anak hasil rezeki perniagaan runcit. Beliau memperluaskan kedai runcitnya selepas menerima latihan kemahiran keusahawanan empowerNCER. Kedai panel program Kasih Ibu Perlis ini turut memanfaatkan ekonomi digital melalui penggunaan aplikasi Shopee, Rider, WhatsApp dan perkhidmatan e-Wallet Touch 'n Go.

empowerNCER membantu ibu tunggal seperti Zalilah keluar daripada kancang kemiskinan. Pendapatan meningkat 3 kali ganda membolehkannya menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik untuk anak-anak.

*Pendapatan dahulunya **RM2,000 sebulan** kini meningkat sebanyak **3 kali ganda***



f D'NUR MART ENT



JomNiaga@NCER

K. HEMARRUBAN

Kuala Muda, Kedah

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Remaja buta yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik ini ditinggalkan ibu bapa semasa kecil dan terpaksa menyara neneknya yang berusia 76 tahun.

Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau memanfaatkan kemahiran membuat pastri dengan memulakan perniagaan mikro menjual biskut dan kek dari rumah kepada pelanggan yang bukan sahaja dari Kedah, malah dari Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, menjana pendapatan yang mencecah 4 angka sebulan.

Dahulunya tiada pendapatan kini mencecah 4 angka

f Ruben Pastry



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

FAID ZAINOL

Langkawi, Kedah

Sambil meniti kehidupan dalam norma baharu, usahawan perlu cakna dan bingkas menyesuaikan diri jika mahu bertahan.

Daripada pekerja *gig* berpendapatan rendah kepada ‘tauke’ warung menjana keuntungan bulanan yang tinggi, Faid buktikan rezeki ada di mana-mana bagi mereka yang tidak mudah berputus asa. Kini, perniagaannya ‘terlajak laris’ selepas empowerNCER bantu jenama Sambal Lajak memasuki pasaran Pahang, Pulau Pinang dan Selangor.

Pendapatan dahulunya RM1,500 sebulan kini meningkat sebanyak 20 kali ganda

📍 Panggey
f Warung Panggey

JomNiaga@NCER

SITI WAN NORADILA MANSOR

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

JomNiaga@NCER menunjukkan impak yang ketara dalam hidup rakyat. Ibu B40 yang membesar seorang anak berusia 10 tahun meningkatkan status sosioekonominya setelah menerima kit perniagaan mesin jahit.

Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau mula mengambil tempahan menjahit pelbagai jenis pakaian dan meraih pendapatan mencecah 5 angka sekali gus mengeluarkannya daripada kancang kemiskinan.

*Pendapatan dahulunya **RM2,500 sebulan** kini meningkat sebanyak **13 kali ganda***

📍 D IELLA CREATION
📍 diellacreation
📍 diellacreationboutique
📍 adilla_mansor

empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NUR IZZATI AZAHAR

Larut, Matang dan Selama, Perak

Ibarat jatuh ditimpa tangga. Demikian nasib Nur Izzati yang perlu membesarkan seorang anak berusia 8 tahun dan menyara ibu dan ayah di rumah selepas perniagaannya 'gulung tikar' akibat pandemik.

empowerNCER membantunya bangkit semula dengan memanfaat ekonomi digital. Menjual produk seperti urutan traditional, anti-stres dan masakan berpantang secara dalam talian sewaktu PKP meningkatkan pendapatannya sehingga mampu menggajikan 7 orang pekerja.

*Pendapatan dahulunya **RM950 sebulan** kini meningkat sebanyak **7 kali ganda***

📍 D Iman Spa Kecantikan



JomNiaga @ NCER

LATIFAH BIDIN

Kerian, Perak

Beban setiap hari kian menindih ibu tunggal yang menyara 2 orang anak yang masih bersekolah selepas kematian suami. Latifah berusaha sepenuh daya menjala ikan untuk dijadikan pekasam.

Beliau bersyukur kerana menyertai JomNiaga@NCER yang membantu golongan B40 meningkatkan taraf hidup. Selain menerima latihan dan bimbingan, beliau juga diberi peti ais baharu sebagai kit permulaan perniagaan yang menjadi dorongan untuknya membuka kedai semasa PKP.

*Pendapatan dahulunya **RM1,800 sebulan** kini meningkat sebanyak **4 kali ganda***



EntREPREneurNCER Maybank

JomNiaga @ NCER

FRESH MART (GERIK) SDN BHD

(CHONG WEI CHICK)

Hulu Perak, Perak

Seperti lebah menghimpun madu, setiap usahawan seperti Chong Wei berusaha gigih untuk mengembangkan perniagaan. Namun tidak semua memiliki tuah. Bertahun pemilik perniagaan borong dan peruncitan ini memendam hasrat untuk melebarkan sayapnya.

Kini, kesempatan itu telah pun tiba. Melalui Skim Usahawan NCIA-Maybank, beliau menggunakan pinjaman bank yang diluluskan dengan kadar pinjaman rendah yang dibantu NCIA untuk mengembangkan perniagaan dengan membuka cawangan pasaraya yang kedua di Gerik, Perak. Selain itu, perniagaannya juga telah mewujudkan 24 peluang pekerjaan baharu melalui program JomNiaga@NCER.



📍 Pasaraya Fresh Mart, Gerik

👤 Fresh Mart Gerik Sdn Bhd



JomNiaga@NCER

HALIZA INDUSTRIES SDN BHD

(DATO' NOR HALIZA HUSSAIN, PEMILIK)

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Pengusaha makanan ringan, Haliza Industries Sdn Bhd (HISB), berjaya menggandakan 3 kali ganda kapasiti pengeluaran melalui inisiatif NCER dan telah memiliki sijil HACCP dan GMP.

Sasaran syarikat sebanyak 95% adalah untuk pasaran eksport. HISB yang menyertai Dubai EXPO 2020 dibawah NCER telah menandatangani 2 Perjanjian Persefahaman (MOU) yang bernilai RM25 juta dengan pengedara di Oman dan Qatar bagi membekalkan produk jenama Bingo Bite dan Witties. Lebih membanggakan, pencapaian luar biasa ini turut disokong oleh JomNiaga@NCER dengan mewujudkan 33 peluang pekerjaan baru.



🌐 www.haliza.com.my

FACEBOOK **Keropok Bingo Bite & Witties - Haliza Industries Sdn Bhd**

INSTAGRAM **bingobite_witties**



JomKerja@NCER

TELEPERFORMANCE MALAYSIA SDN BHD

(GAN SOW CHAT, KETUA, JABATAN SUMBER MANUSIA)

Barat Daya, Pulau Pinang

Syarikat ini pernah mengalami kesukaran mencari calon pekerja yang mempunyai kemahiran yang betul dan memenuhi keperluan industri, sehingga mereka menyertai program JomKerja@NCER. Mereka merupakan syarikat *Business Process Outsourcing* (BPO) yang pertama di Pulau Pinang dan kini telah mempunyai 3 cawangan di Pulau Mutiara itu.

Ibarat serampang dua mata, simbiosis antara Teleperformance Malaysia Sdn Bhd dan NCIA berjaya mewujudkan 150 peluang pekerjaan sebagai Penasihat Perkhidmatan Pelanggan bagi memenuhi keperluan operasi syarikat ini, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan di Wilayah Utara.





Ayam tambatan perniagaan ayam sejuk beku

Slogan “Ayam Hijrah tanpa was-was” bawa keuntungan besar, bantu usahawan wanita berniaga

“Pembangunan Skim Usahawan NCIA-AGROBANK ini datang tepat pada masanya sebagai tambahan dana dalam mengembangkan perniagaan saya.”



DSB SYAFI ENTERPRISE

(SITI HAJAR GHAZALI)

Baling, Kedah

Bermodalkan rasa kasihan terhadap haiwan ternakan, keprihatinan usahawan dibalas dengan rezeki melimpah ruah.

Siti Hajar merupakan pengasas produk Ayam Hijrah yang sinonim dengan slogan “Ayam Hijrah tanpa was-was”. DSB Syafi Enterprise, pengeluar ayam sejuk beku Bumiputera sejak tahun 2013, memiliki kilang di kawasan perindustrian Kuala Ketil, Baling dengan kapasiti pemprosesan 1,500 ekor ayam sehari. Keunikan Ayam Hijrah terletak pada konsep penyembelihan “Halalan Toyibban” yang tidak menyeksa haiwan, tanpa menggunakan renjatan elektrik dan mengeluarkan ususnya sebelum dicelur. Pencapaian hebat usahawan ini adalah antara faktor mengapa syarikatnya menerima dua pembiayaan. Berkat suntikan dana Skim Usahawan NCIA-AGROBANK dan entrepreneurNCER-SIRIM, jualan mereka meningkat daripada RM30,000 kepada

RM160,000 sebulan serta mewujudkan lebih 200 peluang perniagaan melalui konsep ejen dan stokis kepada penduduk setempat, khususnya golongan ibu tunggal yang terkesan akibat COVID-19.

Syarikat ini telah mewujudkan sebanyak 10 peluang pekerjaan melalui program JomNiaga@NCER. “Pembangunan ini juga membolehkan kami mempelbagaikan produk dan mewujudkan pakej perniagaan ayam goreng RM1 kepada usahawan yang berminat,” katanya.

Kejayaan ini mengajar Siti Hajar mengenali siapa dirinya, bukan hanya sebagai usahawan tetapi sebagai seorang yang bernama ‘insan’, seiring dengan aspirasi entrepreneurNCER membangunkan modal insan yang berkemahiran, berdaya saing serta prihatin.



🌐 www.hijrahgrocer.my

FACEBOOK Hijrah Grocer

FACEBOOK HFC Hijrah Fried Chicken

INSTAGRAM hijrahgrocer



Imbas untuk video

Ikut resmi padi, semakin **berisi** semakin **tunduk**

*Syarikat agromakanan
menuai kejayaan hakiki
- semakin berjaya,
semakin
berbakti*

"FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd akan terus membangunkan sektor agromakanan Malaysia bagi mengukuhkan bekalan dan simpanan makanan negara. Pihak FGV amat menghargai pelawaan NCIA untuk bersama mereka di Dubai Expo 2020, di mana kami dapat meningkatkan usaha penjenamaan FGV serta berjumpa dengan wakil-wakil syarikat smart farming yang lain."



FGV INTEGRATED FARMING HOLDINGS SDN BHD

(MUHAMMAD AMIR HASHIM, HEAD, INTEGRATED HIGH VALUE)
Chuping, Perlis

Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. Syarikat agromakanan membalaik jasa baik NCIA memajukan perniagaan mereka dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd menawarkan produk asas tani termasuk tanaman kontan, protein dan nutrisi selain hasil ternakan dan tenusu. Beribu pejabat di Selayang, Selangor, syarikat ini mempunyai cawangan di Seberang Perak, Kuantan dan Chuping. NCIA membantu mereka memasarkan produk di Dubai Expo 2020 sebagai strategi mengukuhkan jenama selain menimba ilmu perniagaan daripada syarikat-syarikat antarabangsa. Program JomKerja@NCER memenuhi

aspirasi mereka untuk berbakti kepada masyarakat setempat dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan yang menganggur, mereka yang kehilangan pekerjaan dan pelajar yang meninggalkan alam persekolahan. Seramai 100 orang peserta telah didaftarkan di bawah program JomKerja@NCER. "Program ini membantu kami mengurangkan kos modal insan selain meningkatkan produktiviti pekerja menerusi latihan berkaitan yang disediakan," katanya.

Tidak gentar dek masa hadapan, tidak ditangisi masa lalu. Impian menjadi lembah peladang agro utama di Malaysia kembali segar mekar dengan bantuan NCIA.



🌐 www.fgvholdings.com





FIKRISZ (M) SDN BHD

(NURFARAZUNA BINTI FADROL HISHAINI, PENGASAS)

Kuala Muda, Kedah

Apakah nilainya hiruk pikuk? Kalau hingarnya hanya sekampung. Kejayaan syarikat tempatan menembusi pasaran antarabangsa bukti usahawan Malaysia bukan sekadar ‘jaguh kampung’.

Fikrisz (M) Sdn Bhd merupakan syarikat milik penuh Bumiputera yang mengeluarkan pelbagai jenis minuman kesihatan menggunakan perubatan dan teknologi Jepun. Program entrepreneurNCER telah memberi peluang kepada mereka untuk memasarkan produk di International Inspirasi Khadijah 2020 Virtual Expo dan Dubai Expo 2020. Hasilnya, jenama Fikrisz bakal menembusi pasaran Timur Tengah setelah menandatangani kontrak selama 5 tahun bagi membekalkan produk minuman kepada syarikat Dream Fitness Trading yang berpangkalan di Arab Saudi. “Cabaran

utama kami adalahkekangan memenuhi permintaan,” kata pengasasnya, Nurfarazuna. Skim pembiayaan entrepreneurNCER telah membantunya menambah mesin peralatan bagi memenuhi permintaan produk yang meningkat hingga 40% semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mereka juga berjaya menyediakan 60 peluang pekerjaan baharu melalui program JomNiaga@NCER.

Walaupun berhujan emas di negeri orang, syarikat tempatan ini tidak sesekali lupa asal usul mereka. entrepreneurNCER ibarat batu loncatan bagi ‘jaguh kampung’ kembangkan perniagaan ke peringkat global.



Jaguh kampung lakar kejayaan di **pentas dunia**

*Syarikat minuman
kesihatan lokal
kembang perniagaan
ke peringkat global*

“entrepreneurNCER bantu syarikat kami membawa cita rasa tempatan ke peringkat global dan pada masa yang sama memenuhi cita rasa antarabangsa.”

Fikrisz Sdn Bhd



Imbas untuk video



PNA TECHNOLOGIES SDN BHD

(DATO' HASAN @ SHARIFUDDIN BIN HAMAT)

Perak Tengah, Perak

Persaingan yang semakin meningkat dalam pasaran domestik dan antarabangsa memaksa PKS seperti syarikat pembekal komponen kendaraan berjenama antarabangsa ini beroperasi secara lebih efisien menyokong ekosistem bekalan rantaian nilai bagi produk automotif. Namun, tidak semua PKS mempunyai modal.

Geran Dana Usahawan NCER (DU@NCER) membolehkan syarikat ini dapat membekalkan produk dengan konsisten demi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa, selain mewujudkan 140 peluang pekerjaan kepada golongan belia di Kampung Gajah, Perak. Separuh daripada modal insan syarikat ini adalah daripada pembiayaan DU@NCER.



PUSAT TIMBANG GETAH

MUSAFIR JAYA
(MOHD SUBHI BIN MUSA)

Padang Terap, Kedah

Hujan panas permainan hari, senang susah permainan hidup. Pahit manis telah menjadi lumrah kehidupan usahawan PMKS seperti Mohd Subhi yang tidak mempunyai modal untuk meluaskan perniagaan. Bantuan dana entrepreneurNCER-Agrobank telah membolehkan pengasas Musafir Jaya ini menambah aset baharu dengan membeli mesin dan peralatan bagi kerja-kerja pengumpulan getah.

entrepreneurNCER telah meningkatkan kapasiti pusat pengumpulan getah ini justeru membantu pekebun kecil setempat memasarkan dan menjual hasil getah pada harga yang lebih baik selain mengurangkan kos pengangkutan. Kini, lebih 100 pekebun kecil turut menikmati kesan limpahan ekonomi, sejajar dengan perkembangan industri asas getah di sekitar daerah Padang Terap.

Seikat Bagai Sirih, Tiada Yang Tersisih

Usaha merapatkan jurang ekonomi yang inklusif sepenuhnya di serata wilayah NCER tanpa meninggalkan mana-mana kumpulan pendapatan dan etnik.



Memecah ‘siling kaca’ masyarakat pribumi

Peniaga burger Orang Asli bukti kejayaan tidak mengenal usia dan asal usul

“Tua atau muda, setiap orang ingin berjaya,
begitu juga Orang Asli. Melalui program
empowerNCER, saya kini mempunyai fokus
dan hala tuju dalam hidup.”



Yayasan
PETRONAS
empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

UBAL KULIM

Baling, Kedah

Benar kata orang, sesuatu perkara atau pekerjaan yang susah akan menjadi senang jika selalu dibuat. Menjalankan perniagaan burger ibarat alih bisa, tegal biasa bagi belia Orang Asli ini setelah beliau mendapat dorongan dan latihan keusahawanan empowerNCER.

Takut berdepan dengan orang luar, Ubal Kulim pada mulanya melupakan hasratnya untuk bermula. Apatah lagi beliau tidak mempunyai ilmu perniagaan. Ilmu tanpa amal, umpama pohon tak berbuah. Amal tanpa ilmu bagai melangkah dalam kegelapan. Program empowerNCER memberi beliau ilmu dan kemahiran keusahawanan sehingga berjaya menjadi pengasas “Burger Orang Kita”. Permintaan yang memberangsangkan dalam kalangan penduduk Orang Asli telah meningkatkan pendapatannya 3 kali



ganda. Ubal yang kini dianggap sebagai *role model* dalam komunitinya, menabur jasa sebagai mentor program JomNiaga@NCER, memberi tunjuk ajar kepada peserta Orang Asli untuk memulakan perniagaan.

Segala yang dicita Ubal kini adalah impian yang ternyata, terlepas daripada cengkaman ketakutan. Berkat ilmu dan kemahiran keusahawanan empowerNCER, hala tuju hidupnya kini jelas di depan mata, seolah di hamparan cahaya.

Pendapatan dahulunya **RM2,000 sebulan**
kini meningkat sebanyak **3 kali ganda**



Imbas untuk video



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NURULHANIM AZIZAN

Langkawi, Kedah

Daripada suri rumah tanpa punca rezeki kepada usahawan salon berpendapatan 5 angka – bagaikan bermimpi di siang hari, suri rumah kepada 3 orang anak ini tidak menyangka lamunan mimpiya akan menjadi realiti.

Hanim Hair Saloon Muslimah di Pekan Kuah lahir daripada minat yang mendalam dan latihan keusahawanan empowerNCER. Dibantu oleh seorang pekerja, beliau turut menawarkan perkhidmatan pedicure, manicure dan mewarna rambut.

*Dahulunya tiada pendapatan
kini mencécah **5 angka***



© Hanim Hair Saloon Muslimah
Facebook: Hanim Hair Saloon Muslimah



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

MOHD SHAMRI AZMI SAMAT

Batang Padang, Perak

Minat dan usaha bagaikan irama dan lagu, andai dipisah lemah tiada berjiwa. Setelah minat dan usahanya menyatu melalui kursus pendawaian elektrik empowerNCER, jiwa seorang juruteknik menjadi gagah – bersemangat demi meningkatkan pendapatan dengan membaik pulih barang elektrik, menyelenggara wayar dan penghawa dingin.

Permintaan yang bertali arus semasa pandemik meningkatkan pendapatannya hampir 90%, justeru menjadi penyuntik semangat untuk mengembangkan perniagaannya.

*Pendapatan dahulunya **RM2,400 sebulan**
kini meningkat sebanyak **2 kali ganda***





Yayasan PETRONAS empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

PRASIT A/L TRIANG

Pendang, Kedah

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Nama Prasit akan kekal terpahat dalam kisah kejayaan empowerNCER setelah beliau menunjukkan 'belangnya' melalui program Quick Win.

Peserta keturunan Siam ini mencetus kreativiti dengan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan – daripada lampu kereta berwarna (*tinted*) dan salutan lampu kepada perkhidmatan gilap, cuci kereta serta menukar lampu serta karpet. Pendapatannya melonjak berlipat kali ganda berbanding dahulu, lantas membolehkannya untuk menanggung perbelanjaan keluarganya dengan cukup.

Pendapatan dahulunya RM350 sebulan kini meningkat sebanyak 10 kali ganda





empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

MUHAMMAD HAZIQ AMIR

Kangar, Perlis

Kurang upaya tak bererti kurang daya. Mempunyai minat yang mendalam serta kemahiran dalam bidang urutan dan kesihatan, pemuda OKU ini gigih menawarkan perkhidmatan mengurut dari rumah ke rumah serta penjualan produk kesihatan sambil dibantu oleh abangnya.

Sebelum ini, semangatnya bagaikan hilang. Suntikan motivasi dan latihan keusahawanan empowerNCER telah mengembalikan keyakinannya. Mengotakan janjinya untuk tidak berputus asa, Haziq kini berjaya meningkatkan pendapatannya.

Pendapatan dahulunya RM100 sebulan kini meningkat sebanyak 24 kali ganda



Tiada **sempadan** yang mengasingkan, usia muda **bukan halangan**

*Program NTEP@NCER
lahirkan seorang
profesional,
bukan sekadar pencari nafkah*



Mengintai peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan ibarat mencari jarum di tumpukan jerami sewaktu negara dilanda pandemik. Namun, tiada yang mustahil jika gigih mencari.

Lulusan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tahun 2017 dalam bidang Sains Biologi ini berjaya mendapat pekerjaan sebagai koordinator pematuhan kualiti di Manjung Naluri Sdn Bhd di Setiawan. Ibarat orang mengantuk disorongkan bantal, Suganthapriyah merebut



peluang keemasan mengikuti kursus dan latihan program NTEP@NCER bagi mengasah kemahiran insaniah selain meningkatkan profesionalisme. Selain itu, kemahiran dan daya saingnya digarap oleh golongan profesional. "Program ini membantu saya menyara keluarga dan menaik taraf kehidupan kami," katanya. Program modal insan yang bersepadau dan holistik ini menekankan peran pentingnya pendidikan dalam usaha mengatasi kemiskinan.



Walau pernah merasa lemah lagi kerdil, Suganthapriyah tetap gagah mengharungi kemarau dan gerimis sebagai anak muda. Program NTEP@NCER memberi perspektif baharu dalam hidupnya - belia juga mampu menjadi seorang profesional yang setanding. Tua atau muda, tiada sempadan yang mengasingkan.

SUGANTHAPRIYAH A/P ARUMUGAM

Setiawan, Perak

"Sebagai pencari nafkah tunggal keluarga, saya bertanggungjawab mencari kerja sebaik tamat pengajian. Program NTEP@NCER bantu saya penuhi tanggungjawab itu."



Imbas untuk video



SITI FATIMAH MOHAMED

Kota Setar, Kedah

Suratan takdir menentukan ibu tunggal B40 ini dikurniakan seorang anak yang sakit akibat masalah jantung dan seorang lagi OKU. Takdir di tangan Tuhan, namun nasib seseorang boleh diubah, dengan izinNya.

Bekas penerima bantuan KIDA ini bangkit mengubah nasibnya dengan menjual kuih karas dari rumah yang serba kekurangan. Berkat kegigihan dan latihan keusahawanan empowerNCER, pendapatannya meningkat dengan secukupnya, sehingga beliau kini mampu menaik taraf rumah dan membayai kos rawatan anaknya.

*Pendapatan dahulunya **RM850 sebulan**
kini meningkat sebanyak **7 kali ganda***



f Karas alor setar HQ



AZROL SHAH MOHD DARUS

Batang Padang, Perak

Apakah motivasi yang paling besar? Sentiasa mencabar diri sendiri. Azrol keluar daripada zon selesanya setelah menamatkan kursus empowerNCER dan membuka kedai gunting rambutnya sendiri iaitu ZAFF Barbershop.

Beliau turut memanfaatkan ekonomi digital dengan memasarkan produk rambut ZAFF Pomade Water-Based melalui media sosial hingga jualannya meningkat sebanyak 50%.

*Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **3.6 kali ganda***

f Azrol Al Fattah

BARBERSHOP





empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

KUZRIYN SHATIZA ABDULLAH KUZAIRI

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Kejayaan bukan apa yang dimiliki tetapi siapa diri kita sebenarnya. Wanita ini mula mengenali siapa dirinya setelah menyertai empowerNCER yang menyerlahkan bakat dan kemahirannya sebagai usahawan menjual kek, roti dan yong tau fu selain perkhidmatan *surprise delivery*.

Melalui bimbingan empowerNCER, beliau membuka kedai bakeri dan pastri dan dibantu oleh seorang pekerja. Kehilangan pekerjaan semasa PKP diganti dengan pendapatan berlipat ganda, berkat kesabaran dan kesungguhannya.

*Pendapatan dahulunya **RM450 sebulan** kini meningkat sebanyak **12 kali ganda***



f Nur Dlicious
nurdlicious

JomNiaga @ NCER **KIDA**
KASIH IBU DARUL AMAN

WAIDA PANJANG

Baling, Kedah

Kejayaan adalah set minda (*mindset*). Jika fikiran kata boleh, maka kejayaan akan menghampiri. Setelah menyertai JomNiaga@NCER, peserta Orang Asli yang juga merupakan penerima bantuan Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) ini telah mengubah set mindanya bahawa status suri rumah bukan penghalang untuk mengecap kejayaan.

Waida mendapat semangat baharu untuk membantu keluarga dengan bekerja di sebuah kilang. Pada masa yang sama, beliau menjual roti, kuih muih, makanan seperti mee dan nasi goreng di kilang tersebut dan di kampungnya.

*Dahulunya tiada pendapatan kini mencecah **4 angka***





NORIZAWATI ISMAIL

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Kepayahan sering kali menemukan orang biasa yang diduga bertubitubu dengan takdir yang ‘luar biasa’. Bankrap, sakit diserang strok, dan beban hutang telah menemukan ibu kepada 6 orang anak ini dengan kejayaan sebagai usahawan produk sendiri iaitu tepung rempah ayam goreng dengan jenama Wirda. Kekuatan untuk bangkit mengubah nasibnya ditemui selepas menyertai JomNiaga@NCER. Dengan pendapatan yang tinggi, beliau kini mampu menjaga kebajikan keluarga dan menyelesaikan hutangnya.

*Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **14 kali ganda***



- 📍 Wirda Izzara Food
- ⬇️ Wirdaizzara
- ✉️ wirdaizzara



NUR ATHIRAH JAAFAR

Manjung, Perak

Mendapatkan pekerjaan memerlukan pengalaman dan majikan pula meletakkan pengalaman sebagai syarat. Dilema ini sering menghantui graduan seperti Nur Athirah yang akhirnya menemui jalan penyelesaian setelah diambil bekerja sebagai koordinator pentadbiran oleh Manjung Naluri Sdn Bhd.

Peluang pekerjaan tersebut adalah contoh impak program modal insan NTEP di bawah inisiatif NCER, yang meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir yang mencukupi.





KULOP BIN PANDAK

Perak Tengah, Perak

Usah dinilai kulit tanpa melihat isinya. Sekilas pandangan, tiada apa yang istimewa tentang kedai panel Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) yang terletak berdekatan dengan kampung Orang Asli ini. Kesederhanaannya menutup seribu kemuliaan. Kedai ini diusahakan oleh peruncit Orang Asli untuk membantu meringankan beban pelanggannya, yang terdiri daripada warga Orang Asli serta penerima bantuan KIDR setempat.

Kekangan capaian Internet tidak menghalangnya untuk menyediakan kemudahan transaksi bayaran tanpa tunai. Promosi melalui aplikasi WhatsApp menjadi daya tarikan sehingga berjaya meningkatkan pendapatan bulanannya. Program KIDR bukan sahaja membantu penerima malah peruncit untuk meneruskan kelangsungan hidup.



KEDAI KAK DA

Pulau Tuba, Langkawi, Kedah

Esok masih ada, selagi ada asa. Tidak mudah berputus asa, pengusaha panel kedai program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) ini berjaya meningkatkan hasil jualan hingga mencecah 5 angka sebulan sekali gus membantunya membuat pusingan modal bagi membeli stok baharu selain mengubah suai dan membesarkan ruang kedai.

Melalui program KIDA, beliau dapat membantu penduduk kampung menampung kos perbelanjaan harian, terutama mereka yang sukar ke Pekan Kuah kerana kos perjalanan yang tinggi.



Mengejar Impian di Alam Maya

Penggunaan kaedah maya yang berpaksikan teknologi dan ekonomi digital telah mengembangkan perniagaan dan meluaskan jangkauan pasaran.





Bertahun lurah dilewati, derita tiada bertepi

Piza dalam viral ubah nasib suri rumah berjiwa kental

**"Saya ibarat burung kepatahan sayap.
Kalau bukan kerana empowerNCER,
mungkin saya tak mampu terbang jauh
mengubah nasib dan mengurangkan
penderitaan keluarga saya."**



NOR HAMIMI DARUS

Yan, Kedah

Bertahun hidupnya diulit derita tiada bertepi. Kehidupan suri rumah dari Yan, Kedah ini ibarat sudah jatuh ditimpa tangga, kesusahan seakan berlarutan. Kini, beliau tidak lagi meratapi nasibnya setelah berjaya menjana pendapatan tetap melalui program empowerNCER.


Sebelum ini, Nor Hamimi yang merupakan penerima bantuan Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) hidup dalam serba kekurangan. Tatkala suaminya menderita akibat kecederaan saraf tunjang selepas terlibat dalam kemalangan hampir 6 tahun lalu, beliau terpaksa menjadi 'tulang belakang' keluarga. Saat orang lain menikmati kenyamanan hawa dingin di ruang pejabat, beliau tegar memerah keringat di bawah terikan pancaran matahari, mengambil upah menyulam padi dan mencari ikan air tawar untuk dijadikan pekasam sebagai punca rezekinya. Beliau berkorban apa sahaja demi sesuap nasi. Malah, anak-anaknya pernah tidak ke sekolah akibat kesempitan hidup.

empowerNCER merubah segalanya. Nor Hamimi diberi latihan asas keusahawanan selain bimbingan dan suntikan motivasi untuk meningkatkan ekonomi

*Pendapatan dahulunya RM850 sebulan
kini meningkat sebanyak 3 kali ganda*

pendapatan sara hidup seharian. Peserta program ini berpeluang mempelajari kemahiran baharu. Di sinilah bermulanya kisah piza dalam viral Nor Hamimi. Jika tuah ayam terletak di taji, tuah Nor Hamimi pula di tudung saji. Sajian piza dalamnya mendapat sambutan yang amat menggalakkkan sehingga menjadi viral. Kini, beliau berjaya menjana pendapatan tetap melalui tempahan yang diterima untuk majlis-majlis keramaian. "Saya sangat berterima kasih kepada program empowerNCER kerana melepaskan saya daripada belenggu kemiskinan," katanya penuh kesyukuran.

Perjalanan hidupnya masih panjang. Onak dan duri setia menanti. Namun, semua itu perlu ditempuhi demi mengecap kejayaan. Dengan empowerNCER, jalan itu terbuka luas. Rakyat setempat boleh meningkatkan kemahiran, bersaing dan merebut peluang keusahawanan.



f Nor Hamimi Mimi

@ eynalspizzayan



Imbas untuk video



JomNiaga@NCER

NOOR ZAILI MOHD NAZARUDDIN

Kerian, Perak

Norma baharu menuntut daya adaptasi yang tinggi selain berfikiran kreatif dan proaktif. Kehilangan pekerjaan sebagai kontraktor binaan akibat pandemik tidak menghalangnya untuk memulakan perniagaan menjual *door gift* setelah mengikuti program JomNiaga@NCER.

Kini, beliau mempunyai premis sendiri dan dibantu oleh 2 orang pekerja. Produknya juga dipasarkan melalui platform media sosial sejajar dengan aspirasi JomNiaga@NCER meningkatkan kemahiran penduduk tempatan.

Pendapatan dahulunya RM1,800 sebulan kini meningkat sebanyak 27 kali ganda



f DeYanti Gift
@ deyanti_gift



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan


MAS MARIA ROSLI

Kota Setar, Kedah

Dalam era yang diselubungi ketidakpastian akibat pandemik, usahawan tiada pilihan selain mencari alternatif demi kelangsungan perniagaan. Mas Maria membuka 'kedai' digital menerusi aplikasi foodpanda untuk menjual dimsum, *dumpling* dan nasi beriani. Selain 35 ejen di seluruh negara, beliau juga menyediakan 3 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Melalui empowerNCER, ekonomi digital tidak lagi dimonopoli oleh usahawan bandar.

Pendapatan dahulunya RM500 sebulan kini meningkat sebanyak 19 kali ganda



@ www.coastaldimsum.com
f Coastal Dim Sum HQ

JomNiaga @NCER

ILAVARASY A/P SHANMUGAM

Batang Padang, Perak

Intipati transformasi digital adalah proses mengubah cara kita berfikir. Selebihnya hanyalah alat atau *tool* seperti media sosial yang digunakan oleh usahawan mikro ini untuk mempromosikan produk makanannya di Facebook.

Setelah kehilangan pekerjaan sebagai juruteknik akibat pandemik, Ilavarasy menyertai JomNiaga@NCER untuk mencari pendapatan alternatif. Program ini berjaya mengubah cara beliau berfikir – daripada pekerja kepada usahawan dan daripada kaedah tradisional kepada kaedah moden.

*Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan** kini meningkat sebanyak **2.4 kali ganda***

Ilasppearl Florist&gift is in Tapah.
17 September 2021
Customised portrait bobo balloon
#ilasppearl

Instagram • ilasppearl • Follow
ilasppearl • Tapah
11 likes

ilasppearl
Ilasppearl florist&gift

JomNiaga @NCER

MOHAMAD HAFIZD KHALIB

Yan, Kedah

Sudah terhantuk baru tengadah. Pandemik membuka mata ramai usahawan agar beringat-ingat sebelum dilanda kesusahan. Perniagaan kiosk kopitiam bapa tunggal ini “beku” dek pandemik. Kit permulaan perniagaan JomNiaga@NCER membantu beliau mengembangkan lagi perniagaannya. Strategi pemasaran melalui media sosial seperti FB Live mengukuhkan jenama Black King Coffee sehingga berjaya meningkatkan pendapatannya.

JomNiaga@NCER telah membantu beliau memanfaatkan ekonomi digital.

*Pendapatan dahulunya **RM850 sebulan** kini meningkat sebanyak **5 kali ganda***

BLACK KING coffee
17 October 2021
Terima kasih sis sudi singgah ngopi 😊😊
See translation

BUKA LOLOS 313 KOPI

BLACK KING coffee

TUAN SHAHIDA TUAN LONG

Larut, Matang dan Selama, Perak



Mendung tak bererti hujan. Tergoyah oleh cabaran pandemik, usahawan spa yakin bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan alasan untuk berpeluk tubuh. Terbitnya kegagahan dalam kepasrahan. Beliau enggan menyerah kalah, semata-mata

Pendapatan dahulunya RM850 sebulan kini meningkat sebanyak 2.5 kali ganda



Imbas untuk video

memasrahkan doa dan harapan tanpa berusaha.


Tuan Shahida merupakan pengusaha spa, Shahida Beauty and Health, yang menawarkan perkhidmatan urutan tradisional dan bekam kepada masyarakat setempat. Namun, harapan melihat perniagaannya berkembang hancur musnah akibat pandemik. Terpaksa ‘gulung tikar’, beliau berikhtiar mencari alternatif lain dengan menghasilkan produk keluaran sendiri iaitu Shahida Energy Coffee dan Kudapan Gsha.

Menerusi program empowerNCER, beliau didedahkan kepada strategi pemasaran digital. “Latihan dan bimbingan yang diberikan sangat penting kerana dapat membantu usahawan yang terkandas seperti saya menghadapi norma baharu dan bersedia ke arah ekonomi digital,”

katanya lega. Sepanjang tempoh pandemik, beliau memanfaatkan platform digital di mana kedua-dua produknya dipasarkan sepenuhnya melalui media sosial. Kini, beliau mempunyai 10 ejen dan, pada masa yang sama, masih giat menguruskan perkhidmatan spa secara dalam talian.

Melalui latihan dan bimbingan empowerNCER, beliau telah berjaya meningkatkan pendapatannya dan mengembangkan perniagaannya.

Benar kata orang, jauhari juga yang mengenal manikam. Hanya seseorang yang bijaksana yang mampu mengetahui kebaikan sesuatu ilmu. Apatah lagi ilmu yang baharu. Kisah Tuan Shahida menuai kejayaan melalui ekonomi dan teknologi digital menjadi inspirasi kepada usahawan PMKS untuk bangkit semula dalam mengharungi krisis pandemik.



- ⌚ Queen Bekam *Tukang Urut Taiping*
- ⌚ shahida energy coffee
- ⌚ tuanshahidatuanlong

“Pandemik adalah rahmat di sebalik musibah. empowerNCER bantu usahawan seperti saya bangkit semula dengan memanfaatkan platform digital.”



Pandemik beri **peluang kedua**

**Pemasaran digital
beri sinar baharu
kepada usahawan
perkhidmatan spa**





MUHAMAD ZULKIFLI ISMAIL

Langkawi, Kedah


Di era ekonomi digital, persoalannya bukan lagi ‘siapa kecil, siapa besar’ tetapi ‘siapa cepat, dia dapat’. Kehilangan pekerjaan sebagai pemandu pelancong akibat pandemik, Zulkifli tidak berlengah memanfaat kit permulaan perniagaan JomNiaga@NCER untuk menjana pendapatan melalui perkhidmatan membaiki mesin basuh dan kipas angin dari rumah ke rumah.

Teknik pemasaran melalui Facebook merancakkan lagi perniagaannya sehingga mampu menyara hidup dengan secukupnya. Melalui bantuan JomNiaga@NCER, beliau membuat satu transformasi – daripada penganggur kepada usahawan yang berjaya.

*Dahulunya tiada pendapatan
kini mencecah **4 angka***



f Zulkifli Ismail Mohamad



NOR AZLINA ASMUNI

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Musibah pandemik memberi satu pengajaran penting – sediakan payung sebelum hujan. Mengambil iktibar daripada pengalaman perniagaan baju *bundle* yang terpaksa gulung tikar, Nor Azlina memulakan perniagaan spa secara *mobile* dan menjual alat-alat kecantikan seperti minyak urut dan kosmetik setelah mendapat latihan kemahiran keusahawanan empowerNCER.

Beliau juga kembali aktif menjual baju *bundle* kali ini secara dalam talian. Dengan bantuan empowerNCER, beliau dapat menjayakan perniagaannya kali ini, justeru membolehkannya hidup dengan selesa.

*Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **17 kali ganda***



f Aiyen Asmuni

BUHARI SPICES SDN BHD

(MOHAMED ASHRAF SAAD BUHARI)

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Perjalanan beribus batu bermula dengan langkah pertama. Terus melangkah selagi ada waktu, ruang dan peluang. Bermula secara kecil-kecilan di rumah, pengusaha rempah kini membina empayar daripada legasi perniagaan bapanya.

Mohamed Ashraf adalah pengasas Buhari Spices, perniagaan rempah yang bermula di rumah pada tahun 2012. Ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi? Anak jati Pulau

Pinang ini mengambil alih perniagaan tersebut daripada bapanya dan mengusahakannya secara komersial pada tahun 2015. Berkat kesungguhan yang diwarisi daripada bapanya, usahawan ini telah jauh mengorak langkah. Kini, Buhari Spices beroperasi di sebuah kilang di Kawasan Industri Ringan Asajaya, Bukit Mertajam. Dibantu oleh 6 orang pekerja, syarikat ini menawarkan 44 jenis produk termasuk rempah daging, rempah sup, dan rempah kurma.

Melalui pembiayaan Skim Usahawan NCIA-MAYBANK, beliau telah mengubah suai kilangnya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan sehingga berjaya memperolehi sijil Halal dan MeSTI. "Dengan adanya pensijilan ini, lebih mudah untuk kami bergerak dan memperkenalkan produk kami," katanya optimistik. Selain itu, pensijilan tersebut memberi kelebihan untuk produk mereka menembusi pasaran lebih luas dan meraih keyakinan orang ramai. Bukti, Buhari Spices telah terpilih sebagai vendor bagi membekalkan produk rempah kepada pelbagai restoran nasi kandar di sekitar kawasan kilangnya. Selain itu, penggunaan teknologi seperti mesin pembungkusan automatik di kilangnya turut membuka peluang keusahawanan kepada mereka yang berminat menyediakan perkhidmatan OEM.

Dari setangga ke setangga mendaki. Puncaknya gunung hendak ditawan. Tiada yang mustahil dicapai jika keazaman membara di jiwa. Mohamed Ashraf menyimpan hasrat menggunakan - untuk melihat setiap rumah yang menggunakan rempah ratus, memilih jenama Buhari Spices.



Jatuh bangun, **rempah ratus** kehidupan

**Perniagaan rempah
kecil-kecilan
di rumah kini
perusahaan kilang**

**berteknologi
moden**


**"Syarikat saya telah
memperolehi sijil Halal
dan MeSTI hasil daripada
pengubahsuaian kilang
melalui pembiayaan di bawah
program entrepreneurNCER."**



Rempah Buhari
Buhari Spices



Imbas untuk video



Usahawan terbang tinggi

Teknologi dron

**bawa revolusi
kepada pertanian
perkhidmatan
jentera padi**

**“Skim pembiayaan
entrepreneurNCER-AGROBANK
menyuntik pembaharuan besar
dalam perniagaan saya. Penggunaan
teknologi moden seperti dron telah
meningkatkan pendapatan sambil
mengurangkan beban pesawah.”**



entrepreneurNCER AGROBANK

INDRA UTARA ENTERPRISE

(SABRI SALIM)

Kangar, Perlis

Teknologi melengkapi zaman. Hadirnya membawa sentimen modenisasi. Jika dimanfaatkan sebaiknya, tugas yang berat menjadi ringan. Teknologi juga ibarat cabang ilmu dan punca rezeki kepada pencarinya. Sang ‘pencari’ dari Kangar, Perlis ini berjaya tingkatkan pendapatan melalui penggunaan teknologi dron.

Lain dahulu, lain sekarang. Kerjaya dalam sektor pertanian tidak lagi dipandang sebelah mata. Kalau dahulu kais pagi makan pagi, kini petani moden kais pagi ‘makan tak habis’. Kejayaan usahawan Kangar membuka mata golongan muda untuk menceburi bidang pertanian. Sabri Salim memulakan perniagaan perkhidmatan jentera padi sejak 10 tahun yang lalu berkat minat yang mendalam. Syarikatnya, Indra Utara Enterprise, beroperasi di sekitar negeri Perlis dan kini memiliki 3 buah mesin dan 2 buah traktor padi. Melalui skim pembiayaan NCIA-AGROBANK di bawah

program entrepreneurNCER, beliau telah menambah aset baharu dengan membeli sebuah dron. Penggunaan teknologi dron dapat menjimatkan masa bagi aktiviti meracun, daripada 30 minit serelong kepada 5 minit sahaja. Selain dapat membantu pesawah menjimatkan masa dan tenaga, beliau juga berjaya meningkatkan pendapatannya. “Alhamdullillah, pengusaha tanaman padi mula menyedari manfaat penggunaan teknologi moden berbanding kaedah tradisional. Dron juga mempermudahkan mereka menguruskan bendang yang lebih besar, justeru meningkatkan pendapatan,” katanya.

NCER sentiasa mendengar keluhan rakyat di kawasan pedalaman dan luar bandar. Kesuraman keluhan di bendang kini bertukar menjadi sinar harapan – ‘usahawan dron’ terbang tinggi di langit biru di celah kepulan awan.



Imbas untuk video



ENTREPRENEUR NCER 

YANG COMPUTER SALES & SERVICE (YANG CHOONG SERN)

Kuala Kangsar, Perak

Keupayaan memacu perubahan sama pentingnya dengan kebolehan memanfaatkan teknologi seperti usahawan luar bandar ini. Beliau mengambil peluang program Skim Usahawan NCIA-MAYBANK untuk menambah aset komputer bagi memudahkan golongan pelajar di kawasan sekitar menggunakan perkhidmatan komputer dengan capaian Internet yang lebih baik.

Beliau turut memanfaatkan ekonomi digital dengan memasarkan produknya melalui Shopee dan Lazada hingga berjaya meningkatkan hasil jualan sebanyak 30% dan mewujudkan 2 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.



JomNiaga @ NCER

SITI SOLEHA BT M.D SULTAN

Kulim, Kedah

Usaha sejengkal mampu bawa hasil sehasta. Kemahuan untuk berjaya mendorong Siti Soleha berniaga masakan panas di depan rumahnya bagi menyara keluarga dan anak-anak yang masih bersekolah setelah kemalangan yang menimpa suami meragut punca pendapatan mereka sekeluarga.

Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau telah mendigitalisasikan perniagaannya dengan memasarkan produk sambal garing melalui media sosial. Jualannya mencecah 1,000 unit sebulan dan beliau menguruskan 20 ejen di seluruh negara. Produknya juga turut dijual di 5 buah kedai. Kini, hasil sehasta membolehkannya membawa keluarga bercuti dan memperbanyak lagi simpanannya.

*Pendapatan dahulunya **RM800 sebulan** kini meningkat sebanyak **3 kali ganda***



Siti Soleha

Selembar Benang Menjadi Kain, Kemahiran Profesional Tenunan Kejayaan

Kursus teknikal mahir dan separa mahir serta bimbingan mentor membantu peserta meningkatkan kebolehpasaran dan pendapatan.





THAREQ ANWAR BAREDHWAN SHAIKH NASIR

Langkawi, Kedah

Menyusuri jalan yang gelita gara-gara sang virus durjana, seorang jurubahasa kehilangan punca rezeki semasa pandemik. Peritnya perjalanan sehingga tiba di simpang berliku, beliau bertemu sinar harapan. Program JomKerja@NCER memberi seorang jurubahasa peluang kedua.

Berat mata memandang, berat lagi bahu Thareq Anwar Baredhwan yang memikul beban akibat diberhentikan kerja kerana pandemik COVID-19. Tatkala umur mencecah 45 tahun, peluang pekerjaan semakin payah ditemui. Mengeruhkan lagi keadaan, sektor pekerjaan landskap ibarat

padang jarak padang terkukur, kontang dibabai 'tsunami' pandemik.

Tuah datang tanpa diduga. Rezeki jangan ditolak. Program JomKerja@NCER membawa tuah dan rezeki untuk Thareq memulakan kerjaya baharu. Beliau ditawarkan pekerjaan sebagai eksekutif penyelenggaraan oleh syarikat Explicit Eco Marine di Langkawi pada bulan Oktober 2020. Walaupun peluang tersebut ibarat langit dan bumi, beliau akur bahawa norma baharu menuntut anjakan paradigma. Beliau terpaksa mengalih bidang kepakarannya demi kelangsungan hidup semasa fasa yang mencabar ini.



Di sinilah program JomKerja@NCER memainkan peranan. Mereka yang kehilangan pekerjaan seperti Thareq diberi latihan dan tunjuk ajar serta bimbingan secukupnya melalui *upslling* untuk memulakan kerjaya baharu. Sebagai majikan, syarikat yang terlibat dalam program ini akan meningkat atau menambah kemahiran sedia ada pekerja melalui latihan tambahan. "Saya sangat menyokong program ini kerana ia terbukti memberikan manfaat kepada majikan dan juga pekerja menerusi insentif dan latihan yang disediakan," katanya penuh syukur.

Suatu ketika dahulu, hari-hari Thareq diarak oleh mendung kelabu yang sentiasa mengekor langkahnya. Namun, beliau yakin bahawa mendung tak semestinya disusuli hujan. Awan hitam dan putih silih berganti. Apa pun, program JomKerja@NCER telah membantu Thareq menyediakan payung sebelum hujan.



Imbas untuk video



Hendak seribu daya

*Bekas jurubahasa
kini berjaya
sebagai pakar
penyelenggaraan dan
landskap*

"Pandemik membuka mata saya betapa pentingnya upskilling. Program JomKerja@NCER membantu saya memindah kemahiran yang ada ke dalam sektor baharu demi menjamin kelangsungan hidup."




NTEP@ NCER
Talent Enhancement Programme

TENGKU SHAHIRA ALYSSA

Barat Daya, Pulau Pinang

Realiti selepas tamat pengajian tidak seindah impian semasa di menara gading. Graduan Universiti Teknologi MARA ini resah memikirkan prospek pekerjaan sehingga beliau menerima tawaran daripada Skyechip Sdn Bhd untuk berkhidmat sebagai jurutera muda.

Melalui NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@NCER), beliau diberi latihan asas dan insani serta bimbingan mentor untuk meningkatkan daya saing. Dalam tempoh setahun sahaja, beliau telah menjadi jurutera tahap 2 yang layak menjadi mentor kepada jurutera yang lebih muda.



NTEP@ NCER
Talent Enhancement Programme

NADIAH MOHAMAD KAMAL

Gurun, Kedah

Memiliki ijazah bukan lagi lesen untuk mendapatkan pekerjaan. Lepasan ijazah UniKL ini hampir berputus asa kerana usahanya sering kali menemui jalan buntu. Nasibnya berubah setelah dilamar sebagai eksekutif kewangan oleh Cargo4U Sdn Bhd.

NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@ NCER) membangunkan kapasitinya melalui latihan kemahiran kerja yang berkualiti tinggi diikuti dengan latihan kemahiran insani, justeru melengkapkan transformasinya daripada graduan resah kepada pekerja profesional yang berkeyakinan.





NURUL AIN AZIZAN

Chuping, Perlis



Setiap graduan mengimpikan pekerjaan yang sepadan dengan kelayakannya. Namun, tak semua memiliki tuah. Kedatangan pandemik memusnahkan harapan, diragut kegawatan ekonomi. Norma baharu memaksa graduan menerima apa sahaja pekerjaan. Namun, masih ada yang beruntung, seperti anak muda yang menyertai program JomKerja@NCER.

Ibarat pucuk dicita ulam mendatang, penyertaan Nurul Ain, 24 tahun, dalam program JomKerja@NCER membawa kepada peluang pekerjaan yang diidamkan. Sewaktu dunia dilanda pandemik pada tahun 2020, pelajar jurusan pertanian ini berjaya mendapat pekerjaan sebagai Eksekutif Ladang di Fig Direct, sebuah syarikat yang

memiliki ladang buah terbesar di Asia Tenggara. Sebelum menyertai JomKerja@NCER, beliau sering kali dibelenggu keresahan, seperti ribuan graduan yang tertanya-tanya apakah nasib mereka setelah menamatkan pengajian. Program JomKerja@NCER membela nasib golongan ini dengan memberi fokus kepada penempatan pekerjaan. Di bawah program modal insan ini, graduan ‘buntu’ seperti Nurul Ain dibantu untuk mendapatkan peluang pekerjaan, justeru memberi nafas baharu dalam kehidupan mereka. Walaupun masih ‘setahun jagung’, Nurul Ain berupaya mempamerkan prestasi kerja yang baik. “Saya diberi latihan yang secukupnya oleh majikan selain mendapat tunjuk ajar daripada rakan sekerja yang lebih senior sebagai mentor,” katanya. Beliau turut mengesyorkan program ini diteruskan pada masa hadapan kerana manfaatnya kepada graduan-graduan sepertinya.

Tatkala dilanda musibah, perubahan bukan lagi kemahuan fikiran. Ia satu keperluan. Mereka yang enggan berubah akan ketinggalan. Pandemik menuntut kemampuan graduan beradaptasi dengan norma baharu.



Keluh kesah penganggur muda

**JomKerja@NCER
bantu graduan cari
peluang kerja
sepadan
kelayakan**

*“Dengan bantuan JomKerja@NCER,
bukan sahaja saya mendapat pekerjaan,
malah pekerjaan yang sesuai dengan
latar belakang akademik saya.”*



Imbas untuk video



MOHD HAQIMI DAHLAN

Langkawi, Kedah

Ibu pengangguran graduan tempatan ibarat kemarau yang berpanjangan. Disangka panas sampai ke petang, kiranya hujan di tengah hari. Begitulah nasib graduan kelas pertama ini selepas meninggalkan menara gading yang menjanjikan seribu satu impian, lantas terpaksa mengambil kerja separuh masa sebagai pengendali pelancongan demi meneruskan kehidupan. Setahun Haqimi terpaksa lari jauh dari bidang teknologi marin yang diimpikan semasa di universiti. Kemaraunya berakhir apabila beliau terpilih dan mendapat pekerjaan tetap di Explicit Eco Marine Sdn Bhd.

Program JomKerja@NCER berjaya menempatkan beliau di syarikat ini dengan latihan-sambil-bekerja, menambahkan lagi ilmu sambil mencari nafkah. Ini telah membantu beliau membina kerjaya pertamanya sebagai ahli biologi marin laut, justeru memenuhi aspirasi JomKerja@NCER untuk membentuk kumpulan tenaga kerja yang mahir dan sesuai dengan keperluan industri.



JUNAIDAH MALIK

Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Ibarat lubuk jadi pantai, pantai jadi lubuk, nasib wanita ini tidak tetap. Setelah dilambung ombak pandemik, Junaidah kehilangan mata pencarian tetapi apabila diberhentikan kerja. Beliau terpaksa bergantung kepada wang bantuan bulanan RM500 menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) demi meneruskan kehidupan.

Penyertaaan dalam program JomNiaga@NCER telah membuka satu lembaran baharu dalam hidupnya. Latihan keusahawanan memberinya keyakinan untuk berjinak-jinak dengan dunia perniagaan. Beliau kini kembali menjana pendapatan tetap dengan menjual pelbagai jenis aiskrim, termasuk aiskrim sundae hasil air tangannya sendiri. Kepelbagai teknik pemasaran secara dalam talian di Instagram dan WhatsApp telah melipat gandakan pendapatan bulannya.

Pendapatan dahulunya RM500 sebulan kini meningkat sebanyak 5 kali ganda



f Aiskrim Lagenda Viral
s junaidahmalik5

Asal Kapas Menjadi Benang, Dari Modal Dibuat Untung

Suntikan dana, latihan kemahiran dan asas keusahawanan melonjakkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta merangsang ekonomi setempat.



Berhijrah dari Kedah ke Selangor, kembara diulit pedih semalam

empowerNCER
*pembakar semangat,
usahawan kental
bangkit semula
setelah kecundang*

"Program empowerNCER memberi saya ketabahan dan keazaman untuk bangunkan semula perniagaan setelah gulung tikar akibat pandemik."



 **empowerNCER**
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

MOHD RIZAL CHE RASHID

Langkawi, Kedah

ADD ON:

TELUR RM

EXTRA NA

EXTRA SA

Ibarat nasib si kembang pagi, mekarnya hanya sementara. Harapan melihat perniagaan berkembang terkulai layu. Kecundang akibat pandemik, pengusaha kedai makan terpaksa berhijrah dari Langkawi mencari rezeki di Selangor. Program empowerNCER telah menyuntik semangat baharu untuk meneruskan perniagaannya.

Mohd Rizal Che Rashid pernah mengusahakan kedai makan bersama isterinya dengan jenama Hirup Sup di Langkawi. Pandemik memaksa mereka menutup kedai. Walaupun keberatan, beliau mengambil keputusan meninggalkan isteri dan anaknya seketika untuk membuat percubaan kedua. Sebagai majikan yang bertanggungjawab, Rizal juga mengambil risiko untuk membawa kelapan-lapan

pekerja berhijrah bersamanya. Geran MARA bernilai RM10,000 membantu beliau menyediakan penginapan mereka. Ternyata risiko dan pengorbanannya membawa hasil. Hasil latihan kemahiran keusahawanan dan bimbingan daripada program empowerNCER serta ketabahan untuk bangkit semula, beliau berjaya mengembangkan perniagaannya hingga mempunyai dua kiosk foodtruck dengan jenama baharu iaitu Sambalegend. Malah pendapatannya juga meningkat berlipat ganda. Penglibatan dalam program empowerNCER benar-benar membawa satu transformasi dalam dirinya. "Saya bagaikan 'mati' hidup semula. Kalau tidak kerana empowerNCER, mungkin saya tidak mampu mendapatkan semula keyakinan diri untuk terus melangkah," katanya.

Tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Setiap pengorbanan menuntut keringat, ketabahan dan iltizam. Berkat suntikan semangat empowerNCER, Rizal bangkit menyusun tapak demi tapak, menderap ke arah matlamat baharu dengan rasa percaya pada keupayaan dirinya.



Pendapatan dahulunya **RM1,500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **17 kali ganda**



Imbas untuk video



Yayasan
PETRONAS
empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NURBANI HAMID @ ISMAIL

Kuala Muda, Kedah

Debu bila dikumpulkan boleh menjadi gunung. Sabar menjual sushi dari rumah ke rumah, lama-lama perniagaannya berhasil juga sehingga berjaya meningkatkan pendapatannya sehingga boleh menggajikan 2 orang pekerja.

Melalui empowerNCER, beliau telah mendaftarkan syarikatnya dengan SSM dan mendapat lesen tapak perniagaan MPSKPK. Daripada perniagaan tidak formal kepada formal, kisah ini menunjukkan bagaimana proses formalisasi boleh membantu perniagaan berkembang.

*Pendapatan dahulunya **RM1,000 sebulan**
kini meningkat sebanyak **5.2 kali ganda***



◎ Street Sushi



empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NURHAEDA MAHADI

Kota Setar, Kedah


Rafidah Stor adalah kisah kejayaan hasil kegigihan peserta dan komitmen empowerNCER memperkasakan rakyat di Wilayah Utara. Kedai panel kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) ini berjaya menjana pendapatan 5 angka selain menyediakan 6 peluang pekerjaan tetap. Pengusaha juga mampu membeli sebuah kenderaan pacuan empat roda bagi kegunaan perniagaannya.

Latihan keusahawanan dan bantuan tenaga pengajar empowerNCER telah membantu beliau menyelesaikan masalah ketidakcekapan pengurusan sewaktu membuka kedai yang kedua. Bersama empowerNCER, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Touch
NFC
REWARD!

*Pendapatan dahulunya **RM1,500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **6.3 kali ganda***

◎ Rafidah Setor





MOHD NUR ZAFFAN MOHD YUSUFF

Baling, Kedah

Ikan biar dapat, serampang jangan pukah. Anak penerima KIDA ini memastikan perniagaan gerai makanan Nasi Pandan Ayam Menangis yang diusahakan bersama ibunya membuatkan hasil supaya jerih payahnya tidak hilang percuma. Sebelum menjadi peserta empowerNCER, beliau membantu bapanya berniaga alat mainan di pasar malam Baling.

Setelah meningkatkan pendapatannya, beliau menggaji 2 orang pekerja dan akan membuka kedai makan kedua. Penyertaan dalam empowerNCER telah membawa satu transformasi yang menaik taraf kehidupan keluarga penerima bantuan KIDA ini.

*Pendapatan dahulunya **RM500 sebulan** kini meningkat sebanyak **13 kali ganda***



f Nasi Pandan Ayam Menangis



MOHD NASIR BAHAROM@ ISMAIL

Arau, Perlis

Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian. Adik lelaki kepada penerima bantuan Kasih Ibu Perlis (KIP) ini menempuh kesusahan sebelum mendapat kesenangan, berkat kegigihannya dan bantuan program JomNiaga@NCER. Dahulu, beliau hanya menjual burger di tepi jalan. Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau membina sebuah gerai tetap di halaman rumahnya dan mempelbagaikan menu.

Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. JomNiaga@NCER telah membantu meningkatkan taraf isi rumah B40 kepada M40.

*Pendapatan dahulunya **RM3,500 sebulan** kini meningkat sebanyak **1.7 kali ganda***



Merenung jauh menjalani nasib

*Diversifikasi kepada
perniagaan nanas
bawa tuah
kepada bekas
penjual kuih*

*"Ilmu dan latihan kemahiran
yang ditimba daripada
program empowerNCER
memudahkan saya menukar
perniagaan makanan
kepada pertanian demi
kelangsungan hidup."*



MOHAMAD JAMIL KARIYA

Pendang, Kedah

Antara kini dan semalam. Sinar harapan baharu kini menerangi hidup usahawan yang pernah kecundang akibat pandemik. Terpadamlah kegelapan semalam setelah ilmu perniagaan daripada program empowerNCER menyuluh kehidupan baharu sebagai usahawan berjaya.

Tewas dalam perang melawan pandemik, Mohamad Jamil Kariya terpaksa menutup perniagaan menjual kuih. Beliau turut mengalami kerugian yang sangat besar kerana kurangnya pengetahuan dalam bidang perniagaan. Setelah menyertai program empowerNCER, beliau menyedari bahawa pandemik bukanlah jalan penyudah. Ia sebenarnya 'melatih' usahawan seperti agar mempelbagaikan strategi perniagaan jika ingin bertahan. Beliau mengambil keputusan untuk beralih ke bidang pertanian, memulakan perniagaan nanas. Kali ini beliau lebih yakin dan bersedia, berkat ilmu dan kemahiran keusahawanan yang diperolehi daripada program empowerNCER. Hasilnya,

Jamil memiliki kebun nanas sendiri di atas tanah terbiar yang disewa daripada penduduk kampung. Selain berbakti kepada tanah, beliau juga berbakti kepada masyarakat dengan mencipta peluang pekerjaan. Kini beliau dibantu oleh 3 orang pekerja. Jamil juga merupakan ahli kelab Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan berhasrat untuk mengajar penduduk setempat menjalankan perniagaan nanas, memandangkan hasil yang lumayan. Pendapatan bulanannya kini meningkat secara mendadak, menjadikannya penerima Anugerah Usahawan Agropreneur. "Minat sahaja tidak mencukupi. Usahawan perlu mempersiapkan diri dengan selok-belok perniagaan seperti yang ditawarkan oleh program empowerNCER," katanya.

Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya. Patah tumbuh hilang berganti. Kegagalan menjual kuih berganti kejayaan menanam nanas. Diversifikasi adalah senjata paling kuat demi kelangsungan ekonomi.

**Pendapatan dahulunya RM1,000 sebulan
kini meningkat sebanyak 9 kali ganda**



Imbas untuk video

 **JomNiaga @ NCER**

NOR SHAZWAN MAT SALLEH

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Dahulu, beliau dan suami terpaksa gulung tikar akibat pandemik. Penyertaan dalam JomNiaga@NCER telah memberi ilham untuk menghasilkan produk sendiri. Produk daging puyuh sejuk beku telah meningkatkan pendapatan mereka.

Kuat burung kerana sayap, kuat ikan kerana radainya. Setiap manusia terdapat kelebihan dan kekurangan. Perniagaan burung puyuh ini telah berjaya menyerlahkan kelebihannya sebagai usahawan, berkat kegigihannya serta bimbingan dan tunjuk ajar JomNiaga@NCER.

Pendapatan dahulunya **RM1,000 sebulan**
kini meningkat sebanyak **8 kali ganda**



📍 Puyuh Che Lan @ Cik Wan
(Pembekal Daging Puyuh)

⬇️ Pembekal Puyuh Daging CheQlan



 **empowerNCER**
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

NORIZA WATI A. MUTALIB

Larut, Matang dan Selama, Perak

Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Begitulah kisah seorang suri rumah dan ibu kepada 5 orang anak yang masih bersekolah. Sabar memulakan perniagaan kuetiau secara kecil-kecilan di rumah, lama-lama berhasil juga dengan membuka warung sendiri setelah mengikuti empowerNCER. Beliau dan suami memanfaatkan kaedah pemasaran secara dalam talian sehingga kuetiau mereka menjadi viral dan menjana pendapatan hampir mencecah 5 angka.

empowerNCER telah meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah dan kejayaan usahawan ini menjadi teladan kepada golongan ini.

Pendapatan dahulunya **RM2,500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **13 kali ganda**





empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

ZURAINA TALIB

Langkawi, Kedah



Di dalam kekurangan, di dalam kemiskinan, tak mampu dirinya bertahan. Satu ketika dahulu, wanita miskin tegar ini hidup kais pagi makan pagi dengan pendapatan bulanan isi rumah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK 2019). empowerNCER mengubah nasibnya.

**Pendapatan dahulunya RM250 sebulan
kini meningkat sebanyak 17 kali ganda**



Imbas untuk video

Zuraina Talib merupakan seorang penerima bantuan program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) dan pernah menjual sayur di pasar malam demi sesuap nasi. Setelah menyertai program Quick Win, beliau mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan pertanian dengan menyewa 3 bidang tanah bagi menanam tebu, ubi, tembakai dan sayur-sayuran seperti timun, cili, kacang panjang, dan petola. Beliau kini menjadi pembekal sayur-sayuran kepada 2 buah kedai makan di Langkawi. Malah, hasil tanamannya telah memasuki pasaran pasar basah di Padang Matsirat dan Kuah. Zuraini juga telah menambah ruang niaga baharu untuk menjual air tebu. Ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, pendapatan sebagai penjual sayur hanya cukup untuk hidup sahaja. Penglibatan dalam program empowerNCER telah mengubah nasibnya, bagaikan langit dengan bumi. Kini pendapatan

bulanannya mencecah hampir 17 kali ganda sebulan. "Alhamdullillah, rezeki saya berlipat ganda setelah menyertai program Quick Win sehingga saya mampu mengubah suai rumah dan hidup lebih selesa," katanya.

Dugaan demi dugaan datang menguji. Pernah terkapar-kapar dalam kemiskinan, hampir tenggelam. Beliau pasrah menadah tangan. Doa termakbul, hasratnya tercapai – program empowerNCER bantu ubah pola hidup, lawan kemiskinan.



Digenggam memori gelita miskin tegar

**Penjual sayur pasar
malam kini**

***petani mahir,
usaha ladang
tebu jana
hasil lumayan***

"Dahulu saya beranggapan kemiskinan itu diwarisi tetapi program empowerNCER telah membuka mata saya. Latihan keusahawannya membantu rakyat miskin tegar seperti saya keluar daripada kancang kemiskinan."

empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

MUHAMMAD FARID SHAHIDAN

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Satu peluang, jika digunakan sebijak-bijaknya, boleh mengubah kehidupan seseorang secara dramatik. Peluang keusahawanan empowerNCER dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak muda yang mengimpikan kedai gunting rambutnya sendiri. Pernah dimarahi pelanggan, peserta ini mengasah kemahiran menggunting rambut yang betul serta teknik menguruskan perniagaan.

Manfaatkan platform *mobile* bagi mempromosi perkhidmatannya, beliau kini telah membuka sebuah kedai gunting menggunakan kontena, dan mampu menjana pendapatan yang sangat lumayan.

Pendapatan dahulunya **RM600 sebulan**
kini meningkat sebanyak **19 kali ganda**



📍 Farid barbershop (Penaga)
👤 Farid barbershop



JomNiaga @ NCER

NOOR HAFIZAH BINTI IDRIS

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Benar kata orang, tajam pisau kerana diasah, jadi pintar kerana diajar. Noor Hafizah tidak pernah menyangka, pemasaran digital mampu mengubah nasibnya. Sebelum ini, peniaga jalanan ini turut terkesan oleh pandemik sehingga sukar menyara kehidupan keluarganya.

Setelah mengikuti kursus penyediaan makanan di bawah program JomNiaga@NCER, beliau kini berjaya menjadi pengasas produk sambal garing dengan jenama Mak Ton. JomNiaga@NCER turut membangunkan kapasitinya sebagai usahawan dengan mengasah kemahiran memasarkan produknya melalui platform digital seperti Shopee, Facebook, Instagram, YouTube, dan WhatsApp. Pemasaran digital telah memacu pendapatannya yang kini meningkat berlipat kali ganda.

Pendapatan dahulunya **RM3,500 sebulan**
kini meningkat sebanyak **1.7 kali ganda**

- 🌐 www.beacons.ai/makton
- 👤 Makton Sambal Garing
- 👤 makton_hq
- 👤 dayangfieza
- 👤 Makton Food

Patah Sayap Bertongkat Paruh, Terbang Semula Selepas Bertaruh

Bantuan kewangan, asas keusahawanan dan latihan kemahiran membantu rakyat dan syarikat yang terjejas oleh pandemik bangkit semula.



KILANG BERAS BAGAN SERAI SDN BHD

(MAHMAD FAISAL FADZIL, PENGURUS BESAR)

Kerian, Perak



Laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tak ditimpah hujan. Pengilang beras di persimpangan dilema, jalan mana yang hendak dilalui untuk terus bertahan? Detik dan cabaran masa kini memaksa pengilang beras menoleh ke belakang sambil merenung jauh ke hadapan. Pandemik menuntut satu transformasi.

Kilang Beras Bagan Serai Sdn Bhd terjejas teruk akibat pandemik sehingga jualan jatuh merudum lebih 50 peratus. Untuk bertahan, syarikat ini bingkas bangun mengubah model perniagaan melalui pendekatan diversifikasi dengan mengeluarkan benih padi sendiri menggunakan teknologi moden dan terkini. Dengan mempelbagaikan produknya, syarikat yang sudah lama bertapak sebagai pengilang beras kini muncul sebagai pengeluar benih padi melalui bantuan Dana Usahawan NCER. Dana ini membantu usahawan menerokai peluang perniagaan baharu sebagai persiapan mengharungi pandemik. Langkah drastik dan berani ini ternyata membawa tuah. Hasilnya,

mereka berjaya meningkatkan semula pendapatan. Malah, sebagai pengeluar benih padi berkualiti tinggi, syarikat ini juga membantu lebih 5,000 pesawah di bawah NCER dengan mengikat kontrak bersama mereka melalui program Ladang Benih Padi bagi menghasilkan pelbagai benih padi berkualiti. Sebagai pulangan, mereka akan membeli padi daripada pesawah dengan harga yang lebih tinggi. Selain itu, pesawah juga terselamat daripada kerugian akibat padi tidak menjadi dan tidak diterima pengilang. "Tanpa Dana Usahawan NCER, sukar untuk kami membuat perubahan dalam model perniagaan tradisional," katanya, kini kembali yakin.

Hidup ibarat pusingan roda. Tiada yang kekal di dunia ini. Langkah berani pengilang beras melakukan transformasi dengan bantuan NCER bukti bahawa hanya mereka yang berani mengambil risiko akan terselamat daripada kecundang akibat pandemik.



Bumi mana tidak ditimpah hujan

*Pengilang beras
bangkit semula
terokai peluang
perniagaan baharu,
tuai kejayaan
sebagai pengeluar
benih padi*

**"Dana Usahawan NCER
bukan saja menyelamatkan
kami daripada gulung tikar
akibat pandemik tetapi
memudahkan diversifikasi
model perniagaan agar
dapat kekal bertahan."**



Imbas untuk video





JomKerja@NCER

DINDINGS POULTRY PROCESSING SDN BHD

(LIM LEE HONG, PENGURUS KANAN SUMBER MANUSIA)

Manjung, Perak

Sejak menyertai JomKerja@NCER pada November 2020, syarikat pemprosesan ayam ini telah mendaftarkan 100 orang peserta. Program ini membantu mereka dalam proses pengambilan pekerja melalui saluran Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAk) yang menyediakan akses kepada lebih ramai calon pekerja. Kadar pusing ganti kakitangan dan kos operasi juga berkurang dengan bantuan subsidi gaji JomKerja@NCER.



🌐 www.ayamdindings.my
 📱 Ayam Dindings Chicken



ENTREPRENEURNCER **AGROBANK**

UWAIS AL-QARNI TRADING

(NURSULIANA ATHOILLAH, PEMILIK)

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Bermula sebagai perusahaan jualan buku dan kitab agama, syarikat ini telah memperluaskan pasaran tempatan bagi produk-produk daripada negara Timur Tengah seperti makanan sunnah, wangian berkualiti, madu asli dan lain-lain lagi. Menerusi Skim Usahawan NCIA-AGROBANK, syarikat ini telah berjaya mengembangkan perniagaannya dengan menubuhkan cawangan baharu di Georgetown, Pulau Pinang. Walaupun sedikit terjejas ketika PKP, pembiayaan ini dan strategi pemasaran secara dalam talian telah berjaya memulihkan keadaan untuk mereka meneruskan perniagaan.



Patah sayap bertongkat azam

*Tergoyah oleh pandemik,
pengusaha pembuatan
alat ganti bangkit
semula
melalui skim
pembiayaan
entrepreneurNCER*

*“Dana daripada Skim Usahawan NCER-MAYBANK
ibaratkan pelampung yang menyelamatkan
perniagaan saya daripada tenggelam akibat
dipukul badai pandemik.”*



entrepreneurNCER Maybank

RIZMIEE TECHNOLOGY ENTERPRISE

(SUHAIMI OMAR, PEMILIK)

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Roda hidup akan terus berputar. Naik turun dan jatuh bangun adalah asam garam perniagaan. Untung sebagai roda pedati – nasib manusia sentiasa berubah. Sekejap di atas, ada kala di bawah, sebagaimana yang dialami oleh usahawan mikro ini setelah perniagaannya jatuh merudum dibadai pandemik.

Suhaimi merupakan pengasas Rizmiee Technology Enterprise yang beroperasi di Seberang Perai Tengah. Beliau mengusahakan perniagaan membuat alat-alat ganti mesin pembuatan, pemprosesan, pencucian dan sebagainya secara kecil-kecilan bermula pada tahun 2015. Syarikatnya menghasilkan skru pelbagai saiz untuk mesin komersial hingga kepada mesin perindustrian. Walau seberat mana cabaran yang digalas sebagai usahawan

mikro, beliau kenal siapa dirinya – seorang insan yang ringan tulang. Berkat kerajinannya, beliau beroleh pendapatan tetap selama 5 tahun. Namun malang tidak berbau, perniagaan yang dibina atas titik peluhnya mula merosot akibat dilanda pandemik.

Permintaan pelanggan semakin berkurangan sehingga syarikatnya hampir gulung tikar. “Skim Usahawan NCER-MAYBANK membantu PMKS seperti saya mengekalkan kelangsungan perniagaan sewaktu pandemik,” katanya. Beliau bangkit semula memulihkan perniagaannya menggunakan dana yang diperolehi untuk menampung kos operasi perniagaan dan mengekalkan 5 pekerjaan.



Patah sayap tidak bererti tunduk mencium bumi selamanya. Berhati sekeras besi waja, ringan tulang, keazaman dan bantuan entrepreneurNCER adalah ‘tongkat’ untuk bangkit berlari dan terbang semula.



Imbas untuk video




ENTREPRENEURNCER Maybank

GSM RACING

(NARONGRIT KHUNPHITHAK
A/L ERUN, PEMILIK)

Arau, Perlis

Usahawan dari Arau, Perlis ini menjalankan perusahaan bengkel, alat ganti dan aksesori motosikal sejak 5 tahun lepas dan dibantu oleh 7 orang pekerja. Pembiayaan melalui Skim Usahawan NCIA-MAYBANK membantunya mengembangkan perniagaan dengan menambah satu lot kedai baharu yang bersebelahan bagi menampung permintaan pelanggan yang semakin meningkat walaupun pandemik masih belum berakhir.



GSM Racing

ENTREPRENEURNCER AGRO BANK

TWISS BAKE TRADING

(NUR ASMADILLA KAMARULZAMAN, PEMILIK)

Timur Laut, Pulau Pinang

Nur Asmadilla menjalankan perniagaan bakeri yang menawarkan kek pelbagai perisa di Gelugor, Pulau Pinang. Pembiayaan di bawah program entrepreneurNCER ini telah membantu beliau untuk meneruskan perniagaannya sewaktu pandemik dengan mewujudkan konsep ejen atau stokis. Beliau juga telah berjaya menghasilkan 2 peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat.



Ammar Choice






EntREPREneurNCER

MNS SMART SPEED ENTERPRISE

(SHAHRULNIZAM AWANG ABDULLAH, PEMILIK)

Sik, Kedah

Usahawan mikro dari Sik, Kedah ini menjalankan perniagaan membekal minyak pelincir kenderaan di sekitar negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang sejak 4 tahun lepas. Melalui pembiayaan Skim Usahawan NCIA-MAYBANK, beliau telah berjaya meningkatkan aliran tunai dan modal pusingan. Pembiayaan ini juga telah membantu syarikatnya memiliki dana yang mencukupi demi kelangsungan perniagaan sewaktu pandemik.



© MNS SMART SPEED ENTERPRISE

EntREPREneurNCER

NORAFID ENTERPRISE

(SITI NORRAFIDAH RAMLI, PEMILIK)

Padang Terap, Kedah

Usahawan mikro dari Kuala Nerang, Kedah ini menjalankan perniagaan gerai makan berdekatan rumahnya sejak setahun yang lalu. Menerusi Skim Usahawan NCIA-AGROBANK, beliau telah berjaya menambah baik serta membesarlu gerainya di Kuala Nerang. Sebahagian daripada dana tersebut juga digunakan sebagai modal perniagaannya. Sedikit terjejas akibat pandemik, beliau mencari alternatif dengan menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan di sekitar Kuala Nerang demi kelangsungan perniagaannya.






JomNiaga@NCER

MOHD ISA SIRON

Manjung, Perak

Minat yang mendalam dalam bidang pembuatan replika bot nelayan akhirnya telah meningkatkan pendapatan sampingan sebuah keluarga nelayan di Pulau Pangkor. Beliau mula berkecimpung dalam penghasilan kraf tangan tersebut sejak 10 tahun yang lalu. Kebiasaannya, beliau memulakan penghasilan replika bot nelayan selepas pulang dari laut atau pada musim tengkujuh. Sesuatu yang bermula sebagai hobi kini bertukar kepada perniagaan. Dengan bantuan peralatan JomNiaga@NCER, beliau telah dapat meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil pembuatan replika bot beliau.

Program pengukuhan dalam pembangunan produk dan penjenamaan di bawah program entrepreneurNCER-SIRIM seterusnya dapat memberi manfaat kepada beliau bagi tujuan kepelbagaian produk termasuk perkhidmatan sokongan pelancongan di Pulau Pangkor.



JomNiaga@NCER

ALANG & ANGRY FISH

(MOHD ARSHAD YUSOP,
PEMILIK)

Manjung, Perak

Lebih mesra dengan panggilan Alang, pengusaha produk kraf tangan yang diilhamkan dari ikan buntal terbuang hasil tangkapan nelayan di Pulau Pangkor ini mula menjual hasil kraf tangannya sejak 8 tahun yang lalu. Beliau mula serius dalam pembuatan kraf tangan ini selepas ramai pelancong tertarik dengan objek yang tergantung di gerai makan miliknya di Kota Belanda.

Kemahiran beliau ini dipelajari daripada beberapa orang tukang seni yang berpengalaman. Beliau telah mendapat bantuan peralatan JomNiaga@NCER, dan turut terlibat dalam latihan di bawah program entrepreneurNCER-SIRIM untuk dibimbing dalam strategi perniagaan dan penjenamaan produk bagi menembusi pasaran ke tahap yang lebih jauh.



Alang buntal pangkor



JomNiaga@NCER

Transformasi Perusahaan Mikro Menyumbang
Kepada Pelancongan Berasaskan Komuniti





MARITIME WATERFRONT SUITES SDN BHD

Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Syarikat ini telah mengambil langkah yang berani dengan membangunkan semula projek pelancongan taman tema dan resort yang telah terbengkalai lebih 15 tahun. Melalui Dana Usahawan NCER (DU@NCER), syarikat ini telah merancakkan semula industri pelancongan tempatan yang suram akibat pandemik dengan mewujudkan satu komuniti, ekosistem dan mata pencarian di Seberang Perai Utara. Projek yang dijangka siap pada tahun 2022 ini akan mewujudkan 225 peluang pekerjaan melalui JomKerja@NCER dan 30 peluang perniagaan kecil.



Hasil Menimba Ilmu, Pasir Sebutir Jadikan Intan

Program pembangunan modal insan membantu pelajar B40, luar bandar dan Orang Asli meneruskan perjuangan akademik hasil pencapaian cemerlang SPM dan kemahiran kendiri.



AINAA RASYIQAH MAT ROSLI

Batang Padang, Perak

Mengimbasi kembali duka nestapa mengharungi pandemik, pelajar murung merangkak keluar dari kegelapan setelah menemui sinar harapan sebagai peserta program empowerNCER Akademik.

Pelajar Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Batang Padang, Perak, Ainaa Rasyiqah Mat Rosli, pernah mengalami kemurungan di awal pelaksanaan PKP sehingga merasakan SPM tidak lagi penting buatnya. Anak kepada pekebun dan juga pesara tentera ini diduga bertubitubu semasa pandemik. Pembelajaran dari rumah menguji kesabaran dan minda selain menuntut perbelanjaan Internet. Peperiksaan SPM yang kerap kali ditangguh menambahkan lagi tekanan kepada beliau dan rakan-rakannya. Penyertaan dalam

program empowerNCER Akademik berjaya memulihkan semangatnya dan kembali fokus kepada persiapan menduduki SPM. Program ini banyak membantu dari segi ulang kaji dan latihan tambahan subjek-subjek teras. Penggunaan tablet dan latihan yang diberikan turut memudahkan ulang kaji serta meningkatkan pemahaman. "Semoga usaha ini diteruskan untuk pelajar yang kurang berkemampuan. Mereka juga berhak untuk berjaya dan membantu keluarga kelak," katanya.

Berlari Ainaa mengejar impiannya, melangkah dan melompat mengatasi cabaran ke garisan penamat. Destinasi ke menara gading adalah jalan seribu liku. empowerNCER Akademik penyuntik semangat untuk meneruskan perjalanan.

Berjaya mencapai **7A** dalam **SPM 2020**

Kini menyambung pelajaran ke **Tingkatan 6** di **Sekolah Menengah Kebangsaan Sungkai**



Ketabahan tercalar luka ketika PKP

*Dibelenggu kemurungan,
pelajar B40 temui **semangat**
dan **fokus**
sebagai peserta
empowerNCER Akademik*

"Program empowerNCER Akademik bukan sekadar menggilap kecemerlangan pendidikan. Ia menyelamatkan saya daripada kemurungan sewaktu PKP."

Yayasan
PETRONAS
empowerNCER
Akademik

NURASYIKIN MALIKI

Baling, Kedah

Ibarat menggenggam bara, kehidupan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Baling ini tidak lekang daripada keperitan – kehilangan bapa pada usia 11 tahun, ibu yang menderita penyakit kencing manis, dan kesempitan hidup sehingga tidak mampu mengambil kelas tambahan. Pembelajaran dari rumah pula dibelenggu masalah capaian Internet. empowerNCER Akademik meringankan bebaninya melalui pemberian pelbagai modul latihan, video tutorial dan sumbangan bakul makanan.

Keputusan SPM 8A membakar semangatnya untuk menjadi seorang guru dan membantu pelajar B40 seperti. Bara yang digenggamnya kini hampir menjadi arang, berkat kesabaran dan iltizam untuk mencapai kejayaan.

*Berjaya mencapai **8A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran ke **Tingkatan 6** di **Sekolah Menengah Kebangsaan Baling***



empowerNCER
Akademik

NUR NABILAH FARHANAH CHE NASIR

Kota Setar, Kedah

Duka mengalir bertali arus sehingga berendam air mata. Anak bongsu daripada 6 adik-beradik ini diduga dengan pelbagai ujian sehingga sukar membahagikan masanya. Beliau terpaksa bekerja di sebuah kedai makan semasa cuti sekolah demi menampung perbelanjaan keluarga dan sekolah.

Bantuan buku latihan, ulang kaji, serta program pembangunan diri empowerNCER Akademik mengembalikan fokus dan minatnya sehingga mencapai keputusan SPM 5A. Kejayaannya membuktikan dengan iltizam dan bantuan, pelajar B40 dan asnaf mampu meraih kecemerlangan jika diberi peluang.

*Berjaya mencapai **5A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Program Perakaunan di Kolej Matrikulasi Kedah***





NUR IMAN SYAFIQA AZMAN

Kerian, Perak

Anak sulung kepada ibu tunggal ini terpaksa berkongsi capaian Internet bersama 2 orang adiknya sewaktu pembelajaran dari rumah. Pendapatan ibunya sebagai peniaga koperasi sekolah terjejas akibat pandemik sehingga tidak mampu untuk melanggar Internet. Berkat bantuan bahan pembelajaran, peranti tablet serta sokongan moral daripada empowerNCER Akademik, beliau berjaya meraih keputusan SPM 7A dan seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke Kolej Matrikulasi dalam Program Perakaunan untuk mencapai cita-citanya menjadi akauntan bertauliah.

Semua peserta empowerNCER Akademik berjaya dalam pelajaran. Begitulah kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.

*Berjaya mencapai **7A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Program Perakaunan di Kolej Matrikulasi Perak***



KUMARAVELLAN A/L RAMESH

Kerian, Perak

Pelbagai kekangan hidup telah memaksa Kumaravellan dan keluarganya berhijrah dari Negeri Sembilan ke Perak. Anak ketiga daripada 4 adik-beradik ini resah kerana pencapaian akademiknya lemah dan sukar menguruskan masa untuk menghadiri kelas tambahan di sekolah. empowerNCER Akademik telah membantu meningkatkan masa pembelajaran bersama guru dan memudahkan ulang kaji pelajaran serta membentuk sahsiah dirinya. Program Transformasi Minda mendorongnya melanjutkan pelajaran dalam Pengurusan Perniagaan di Management and Science University (MSU).

Payah-payah dilamun ombak, tercapai juga tanah tepi. Setelah beberapa lama menanggung kesusahan, akhirnya Kumaravellan terlepas juga daripada sengsara berkat ketabahannya dan bantuan empowerNCER Akademik.

*Berjaya mencapai **3A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam bidang **Pengurusan Perniagaan di MSU***



NAJWA MAJIDAH MAHADZIR

Langkawi, Kedah



Hanya ilmu pengetahuan yang mampu mengubah taraf hidup. Program empowerNCER Akademik beri harapan kepada pelajar ke menara gading untuk meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Langkawi, Kedah, Najwa Majidah Mahadzir merupakan anak bongsu

*Berjaya mencapai **10A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Program Asasi Undang-undang** di **Universiti Teknologi MARA, Dengkil***

daripada 3 adik-beradik. Ibu dan bapanya menjual nasi lemak bagi menyara kehidupan mereka. Perniagaan mereka terjejas teruk akibat pandemik. Impiannya untuk membantu keluarga tercapai setelah menyertai program empowerNCER Akademik dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi MARA, Dengkil, mengikuti Program Asasi Undang-undang. "Program ini menyedarkan saya bahawa pendidikan adalah jalan keluar daripada belenggu kemiskinan," katanya. Pendidikan yang inklusif dan inovatif seperti yang diterapkan dalam empowerNCER Akademik melahirkan modal insan yang mampu mengubah nasib pelajar, keluarga dan negara.

Kesusahan sekadar ujian membentuk kematangan. Onak dan duri terpaksa dihadapi demi kejayaan. Bersama empowerNCER Akademik, hasrat akan kesampaian.



Meredah onak dan duri

empowerNCER
Akademik bantu
pelajar ubah nasib
keluarga melalui
kecemerlangan
pendidikan

"Saya memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan oleh program empowerNCER Akademik untuk mengubah nasib keluarga saya melalui pendidikan."



Imbas untuk video



MUHAMMAD ANAS RUSYAIIDI ZULKIFLI

Sik, Kedah

Asal ditugal, adalah benih. Sesuatu usaha itu tentu ada hasilnya. Pelajar lonjakan cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Gulau ini berjaya meningkatkan prestasinya dengan bantuan empowerNCER Akademik melalui modul ulang kaji, pamacu pena yang mengandungi bahan pembelajaran dan video yang menarik dan program motivasi serta pembangunan diri.

Anak kepada pekerja logistik di sektor swasta dan suri rumah ini menyimpan hasrat untuk menjadi seorang penterjemah bahasa Jepun. Dengan bantuan empowerNCER Akademik dan usaha gigih, tentu ada hasilnya.

*Berjaya meningkatkan pencapaian gred subjek
dan **Iulus SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Diploma
Kejuruteraan Elektronik di MARA Japan
Industrial Institute***



NURUL ALIA MOHD SOKHRI

Sik, Kedah

Balasan kepayahan ulat memecah kepompong adalah kemampuan terbang bebas sebagai kupu-kupu dan warna-warna indah pada sayapnya. Ibarat metamorfosis kupu-kupu, anak ketiga seorang buruh kasar dan suri rumah penerima bantuan KIDA ini ‘terpenjara’ di rumah akibat pandemik dan diselubungi kemelut kewangan. Pembelajaran dalam norma baharu juga menguji kesabarannya, seringkali terputus akibat gangguan capaian internet.

Modul empowerNCER Akademik berjaya membantu menghilangkan kerunsingan dalam pembelajaran beliau akibat gangguan capaian internet dengan pemberian pamacu pena (pendrive) yang mengandungi video pembelajaran untuk memudahkannya meraih keputusan SPM yang cemerlang.

Setelah merobek ‘kepompong’ dengan bantuan NCER, ‘kupu-kupu’ ini terbang jauh dan kini, hingga sebentar di Universiti Malaysia Perlis.

*Berjaya mencapai **5A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam **Diploma
Kejuruteraan Mekatronik di Universiti Malaysia Perlis***





empowerNCER
Akademik

MUHAMMAD SHAZWAN SAHARUDDIN

Kerian, Perak

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. empowerNCER Akademik menyedarkan anak kepada pesawah dan suri rumah ini bahawa masa itu emas. Beliau telah memanfaatkan peluang yang disediakan seperti kelas bimbingan, bahan pembelajaran berkualiti, modul latihan, dan perisian i-LEARN Ace sehingga berjaya meraih keputusan SPM 7A.

Cabarannya pembelajaran norma baharu sepertikekangan kewangan dan capaian Internet serta kekurangan bahan pembelajaran berjaya diatasi dengan bantuan empowerNCER Akademik. Kini, masanya menjadi emas yang akan mengubah nasib keluarganya.

*Berjaya mencapai **7A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam
Diploma Teknologi Kejuruteraan Makanan
di **Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Lenggong***



empowerNCER
Akademik

SOON LAY MEI

Larut, Matang dan Selama, Perak

Sehari selebar benang, lama-lama menjadi kain. Berkat tekun dan usaha serta bantuan empowerNCER Akademik, anak kepada pekerja buruh dan suri rumah ini berjaya mencapai keputusan SPM 9A yang membawanya ke Institut Pendidikan Guru (IPG) Sultan Abdul Halim. Sewaktu PKP, beliau mengalami kesukaran belajar tanpa bantuan guru dan rakan secara bersemuka serta mudah leka dengan gajet ketika di rumah. empowerNCER Akademik membantunya melalui kelas bimbingan subjek teras, nota dan latihan tambahan di dalam aplikasi i-LEARN Ace yang boleh diakses bila-bila masa.

Daripada selebar benang, bakal seorang guru ini tekun dan sabar menenun masa depannya menjadi kain yang ditaburi bunga kejayaan.

*Berjaya mencapai **9A** dalam **SPM 2020***

*Kini menyambung pelajaran dalam
Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
di **IPG Kampus Sultan Abdul Halim***





ALIEYA ASHIKIN A/P HASZRUL ZAINAL
Batang Padang, Perak

Ibarat sudah kering terjemur pula, sudah garing kena ramas pula, anak kepada buruh kasar dan pencuci ini berturut-turut mendapat kesusahan termasuklah disahkan positif COVID-19 sehinggakan beliau kurang bermotivasi dan hilang keyakinan diri. Bantuan kelas bimbingan, sumbangan tablet serta sokongan lain yang diterima dalam program empowerNCER Akademik menjadi batu loncatan untuk meraih keputusan SPM 4A.

Kekangan PdPR dan kewangan bukan penghalang bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tapah ini. Dengan bantuan empowerNCER, lebih ramai pelajar Orang Asli seperti dapat ke menara gading, justeru menyedarkan mereka tentang peranan pendidikan sebagai pemangkin pengubah status keluarga.

*Berjaya mencapai **4A** dalam **SPM 2020**
Kini menyambung pelajaran ke **Tingkatan 6**
di **Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tapah***

Program Oleh: empowerNCER Akademik
Program Dikelolakan Oleh: UNIVERSITI SULTAN IDRIS (UPSI)

empowerNCER@PERAK

empowerNCER-MyKasih™ DIALOG

Menangkan kemiskinan generasi masa hadapan Orang Asli melalui pendidikan

Generasi muda adalah kesuma bangsa – golongan yang menjadi harapan bangsa dan negara. Tanpa mengira kaum dan etnik, aspirasi mereka akan memekarkan realiti hari ini untuk hari esok yang lebih terjamin.

Bertunjangkan aspirasi ini, NCIA menterjemahkan pembangunan murid Orang Asli melalui kecermerlangan pendidikan dalam bentuk Program Orang Asli 3M – mengasah kemahiran Membaca, Menulis & Mengira. Modul disediakan oleh tenaga pakar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan disampaikan secara didik hibur oleh tenaga pengajar daripada UPSI dan beberapa fasilitator daripada komuniti Orang Asli itu sendiri.

Pengisian program ini disokong oleh Yayasan MyKasih dengan pemberian akses kemudahan dan fasiliti serta bantuan makanan, selain merangkumi program robotik STEM, laman akuaponik serta kad tanpa tunai untuk pembelian makanan di kantin sekolah bagi murid-murid tersebut.

Pendekatan inklusif pembangunan modal insan ini memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam transformasi sosioekonomi di Wilayah NCER.





19 Buah Sekolah | **1,600** Murid Orang Asli

100% Transisi Murid Orang Asli dari Tahun 5 ke Tahun 6 | **84%** Kadar Penglibatan

61% Kadar Kompetensi 3M (Membaca, Menulis & Mengira)

Aspirasi NCER



“NCIA akan meneruskan usaha memperkasakan Program Modal Insan Bersepadu Berteraskan Rakyat yang menjadi asas kukuh kepada Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025.

Usaha ini adalah seiring dengan Pelan Pemulihan sosioekonomi pasca Covid, bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dan menjadikan NCER sebagai Wilayah Ekonomi Dan Hab Teknologi Bertaraf Dunia.

En. Hasri A Hasan
Ketua Pegawai Operasi, NCIA



“NCIA akan berusaha untuk menyediakan platform bagi membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi supaya dapat dipadankan dengan keperluan dan pembangunan industri.

“Kami berharap lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan turut serta dalam mengambil peluang ini untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem serta rantaian bekalan (*supply chain*) bagi menarik lebih ramai lagi pelabur ke NCER.

En. Fajaffri Mohd Fadzil
Pengarah Pelaburan, NCIA



“Kisah kejayaan peserta-peserta ini telah memberi inspirasi kepada NCIA untuk meneruskan program Modal Insan bagi merubah kehidupan lebih ramai belia, wanita, Orang Asli serta kelangsungan PMKS di NCER.

“Harapan kami agar komuniti setempat menyokong dan mencontohi pencapaian yang telah dipaparkan di dalam naskah ini.

Datin Shahdee Dato' Ahmad
Pengarah Modal Insan dan Sekretariat,
Pejabat Ketua Eksekutif, NCIA



Tahniah



Peserta

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Rakan Strategik NCIA atas sokongan dalam pelaksanaan program pembangunan modal insan.





📞 +604 502 0708 🌐 www.ncer.com.my 📱 [ncermalaysia](#)

NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY (NCIA)
PULAU PINANG, MALAYSIA

